

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

1. Apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan sampah dari punca?
 - (a) Berapakah jumlah berat sampah setahun di Pulau Pinang dalam lima tahun kebelakangan ini?
 - (b) Adakah berlaku kejadian proses larut lesap di kawasan pelupusan sampah di Pulau Pinang dan apakah tindakan untuk mengatasi isu ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi mengurangkan sisa di punca adalah seperti berikut:
 - (i) Pelaksanaan dasar penjana bayar (*Pay as You Throw*);
 - (ii) Mewajibkan pengasingan sisa di punca di peringkat penjana sisa seperti pemaju, industri dan perniagaan;
 - (iii) Memperkasa kesedaran melalui pendidikan awam dan penguatkuasaan kepada semua skim termasuk sekolah, institusi, kampung, komersial, kilang, taman perumahan bertanah dan kediaman bertingkat;

- (iv) Memuat naik poster dan video kesedaran dan pendidikan berkaitan pengasingan sisa dan pengurusan sisa yang betul melalui media rasmi MBPP dan MBSP secara berterusan;
- (v) Pengedaran risalah Pengasingan Sisa di Punca di kawasan kediaman, kawasan komersial dan kawasan perindustrian; dan
- (vi) Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik/penghuni rumah yang tidak menjalankan Pengasingan Sisa di Punca mengikut kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016.

- (a) Jumlah sampah yang dilupuskan dari tahun 2019 sehingga tahun 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH (TAN)	
	MBPP	MBSP
2019	257,237.15	553,242.23
2020	243,887.81	598,234.11
2021	246,731.51	538,841.69
2022	247,994.16	518,416.00
2023	240,325.00	570,653.25

- (b) Proses larut resap berlaku di tapak pelupusan dan disalurkan ke *Leachate Treatment Plant* (LTP) bagi proses rawatan sebelum disalurkan keluar. MBSP telah merawat air larut resap di tapak pelupusan dari bulan Oktober 2022 sehingga kini dengan jumlah 230,926.50 meter padu (m³) seperti perincian berikut:

Tahun	Bulan	Rawatan (m³)
2022	Oktober	2,888.70
	November	13,680.90
	Disember	18,110.90
2023	Januari	9,210.30
	februari	14,581.20
	Mac	14,346.10
	April	13,298.90
	Mei	14,905.30
	Jun	15,008.70
	Julai	14,884.90
	Ogos	13,854.20
	September	10,022.60
	Oktober	10,842.30
	November	18,012.40
	Disember	17,517.80
2024	Januari	15,503.30
	Februari	14,258.00
JUMLAH		230,926.50

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

2. Nyatakan jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang terletak dalam DUN Bagan Dalam.
 - (a) Apakah rancangan kerajaan untuk membantu RIBI yang usang di Bagan Dalam?
 - (b) Senaraikan semua tapak RIBI di DUN Bagan Dalam yang belum diserahkan.
 - (c) Senaraikan juga baki lokasi tapak RIBI di MBSP.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Berdasarkan rekod melalui sistem SMARTPLAN di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PlanMalaysia) terdapat sebanyak 24 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dalam DUN Bagan Dalam. Senarai terperinci RIBI seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Kerajaan Negeri komited dalam penyaluran bantuan kewangan bagi menjaga kebajikan agama selain islam melalui Jawatankuasa Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) yang menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikpulihan struktur bangunan usang dan rosak. Namun, permohonan perlu dikemukakan oleh pihak persatuan bagi mematuhi syarat-syarat teknikal seperti yang telah ditetapkan untuk kelulusan. Terdapat beberapa skop kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang merangkumi:

- (i) Penstrukturan Semula Bangunan RIBI;
 - (ii) Pembaikan Kebocoran Siling dan Bumbung;
 - (iii) Pembaikan Retakan Dinding dan Lantai Jubin;
 - (iv) Pembaikan Sistem Perparitan;
 - (v) Pembaikan dan Pemasangan Pagar;
 - (vi) Penukaran Sistem Pendawaian dan Litar Elektrik; atau
 - (vii) Bantuan Kecemasan
- (b) Sehingga kini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai tapak RIBI di DUN Bagan Dalam yang belum diserahkan.
- (c) Senarai baki lokasi tapak RIBI di MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A**JUMLAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) YANG TERLETAK DALAM DUN BAGAN
DALAM**

Bil	RIBI	Nama	Alamat
1	Gereja	Gereja Katholik Nativity of The Blessed Virgin Mary Butterworth	3972, Jalan New Ferry, Kampung Bagan Dalam, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
2	Gereja	Gereja Butterworth Gospel Hall	21, Jalan Bagan Baru 1, Taman Bagan Baru, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
3	Gereja	Gereja Methodist Wesley	4086, Jalan Pantai, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
4	Gereja	Gereja St. Mark'S, Butterworth	3826 Jalan St. Mark 12000 Butterworth, Pulau Pinang
5	Gudwara	Gudwara Sahib (Rumah Ibadat Sikh) Butterworth	4588, Lorong Siram 1, Kampung Simpah, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
6	Kuil	Devi Sri Nagakanni Amman Temple	Ujung Batu Bagan Dalam, 12000 Butterworth
7	Kuil	Kuil Dewa Sri Madurai Veeran	110, Jalan Heng Choon Thian, Kampung Jawa, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
8	Kuil	Kuil Hindu Sri Maha Muniswarar & Maha Angalla Paramesvary	No.1864/2, Jln Assumption, Kampung Perlis, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
9	Kuil	Kuil Sivan	1955, Jalan Siram, Kampung Siram, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
10	Kuil	Kuil Dewa Sri Saiva Muniswarar Butterworth	109 A, Jalan Heng Choon Thian, Kampung Jawa, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
11	Kuil	Kuil Sree Saiva Muniswarar Alayam Butterworth	No. 3450, Jalan Acham, Taman Mewah, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
12	Kuil	Kuil Sri Mathurai Veeran	110, Jalan Heng Choon Thian, Kampung Jawa, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
13	Kuil	Kuil Sri Muniswarar Sri Ukra Kaliasman	5247, Jalan Chain Ferry, Taman Mewah, 12100 Butterworth, Pulau Pinang,
14	Kuil	Sree Maha Mariamman Temple	7, Jalan Jeti Lama, Bagan Luar, 12200 Butterworth, Pulau Pinang
15	Kuil	Sree Maha Nagakanni	Jalan Sungai Nyior, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
16	Kuil	Sri Sithi Temple	61, Jalan Bagan Luar, Bagan Luar, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
17	Tokong	Sui Hoe Tong Lim Kongsi Provine Wellesley	548, Lorong Kubur, Kampung Benggali, 12000 Butterworth, Pulau Pinang
18	Tokong Tao	Persatuan Penganut Dewa Nam Sua Tuah Pek Kong Butterworth	1320, Jalan Pa'Abu, 12200 Butterworth, Pulau Pinang

LAMPIRAN A**JUMLAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) YANG TERLETAK DALAM DUN BAGAN
DALAM**

19	Tokong	Tokong Cina Chong Than Yan Soi	7526, Lorong Mak Mandin Jaya 8, Taman Segar, 13400 Butterworth, Pulau Pinang
20	Tokong Tao	Tokong Tao Tua Pek Kong Butterworth	5058, Jalan Mewah, 12100 Butterworth Pulau Pinang
21	Tokong	Tokong Cina Lam Then Keon Cher Kong Wa Hood	PMT 5020, Medan Limbungan, Off Jalan Chain Ferry, 12100 Butterworth.
22	Tokong	Tokong Tao Dewa Hong San Thian Kwong Teik Choan Ong	No. 4230, Jalan Kampong Benggali, 12200 Butterworth, Pulau Pinang
23	Tokong Tao	Tokong Butterworth Tian Gong Tan	5042, Lebuah Kampung Benggali 1, Kampung Benggali, 12200 Butterworth, Pulau Pinang
24	Tokong Tao	Tokong Dewa Feng Shan Si Bao Gong Butterworth	No 1135, Kampong Jawa, 12000 Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

SENARAI BAKI LOKASI TAPAK RIBI DI MBSP

BIL	SKIM / NAMA TAMAN	NAMA JALAN	KEDUDUKAN / LOKASI	NO LOT	MUKIM	DAERAH	LUASTANAH	STATUS TAPAK
1.	TAMAN MEKARSARI	LORONG MEKARSARI 13	BERTAM	23877	6	SPU	515 MP @ 5,543.40 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
2.	TAMAN AMANSARA	JALAN AMANSARA 1	BERTAM	25111	6	SPU	513 MP @ 5,522 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
3.	TAMAN ARA INDAH	JALAN ARA INDAH	ARA KUDA	10477	13	SPU	132 MP @ 1,420.83 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
4.	TAMAN ARA MUTIARA	LORONG ARA MUTIARA 5	ARA KUDA	11475	13	SPU	82 MP @ 882.63 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
5.	TAMAN CARISSA VILLA	JALAN CARISSA VILLA	PADANG LALLANG	20056	14	SPU	28 MP @ 301.38 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
6.	TAMAN PROMINENCE	LORONG PERDA UTAMA 3	BANDAR PERDA	10315	6	SPT	268 MP @ 2,884.72 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
7.	PANGSAPURI RESIDENSI (TAMAN MANGGIS INDAH)	TINGKAT MANGGIS 1	SUNGAI RAMBAI	10129	10	SPT	74 MP @ 796.52 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
8.	TAMAN LEMBAH INDAH	JALAN LEMBAH INDAH	PERUSAHAAN BUKIT MINYAK	30856	14	SPT	616 MP @ 6,630.56 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
9.	TAMAN SERI PERMAI	LORONG SERI PERMAI 1	BUKIT MINYAK	32637	14	SPT	26 MP @ 279.86 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
10.	DESA IMPIAN	LORONG DESA IMPIAN 12	ALMA	31408	15	SPT	665 MP @ 7157.99 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
11.	TAMAN TANGLING INDAH	LORONG BELIBIS 33	SIMPANG AMPAT	21787	15	SPS	72 MP @ 775.00 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
12.	TAMAN HIJAUAN VALDOR	LORONG HIJAUAN VALDOR 34	VALDOR	PT 1315	15	SPS	245 MP @ 2,637.15 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN
13.	TAMAN HIJAUAN VALDOR	JALAN HIJAUAN VALDOR 2	VALDOR	PT 811 (22536)	15	SPS	316 MP @ 3,401.39 KP	MASIH DIBUKA UNTUK PAJAKAN

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

3. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi pembangunan semula Bandar Butterworth?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membentuk sebuah Rancangan Kawasan Khas (RKK) atau Special Area Plan bagi pembangunan semula Butterworth?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mendapatkan dana dari Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan semula bandar Butterworth?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Pelaksanaan Butterworth Baharu Regeneration Programme (BBRP) merupakan sebuah inisiatif di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi pembangunan semula Bandar Butterworth. Inisiatif BBRP telah bermula pada tahun 2015 dan sehingga kini ia melibatkan sebanyak 8 projek fizikal yang bernilai lebih RM7.9 juta dan 95 program yang berbentuk *community engagement* telah dianjurkan. MBSP akan terus komited dalam melaksanakan projek fizikal dan penganjuran program komuniti di Bandar Butterworth. Di antara projek yang telah diluluskan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dan membawa *spillover impacts on economic and socio* di sekitar BBRP adalah Pembangunan Bercampur oleh Tetuan The Straits Trading Company Limited Kuala Lumpur, Cadangan Pembangunan Rumah Mampu Milik oleh Tetuan PJD Eastern Land Sdn Bhd. dan lain-lain.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang dalam peringkat akhir memuktamadkan Pelan Induk Pembangunan Strategik Penang Bay. Fokus utama kajian ini adalah bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menempatkan kawasan pesisir laut Bandaraya George Town dan Butterworth sebagai pusat tumpuan ekonomi serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2050. Hala tuju Kajian Pelan Induk Pembangunan Strategik Penang Bay turut mencadangkan penyediaan Rancangan Kawasan Khas yang merangkumi keseluruhan pengairan George Town dan Butterworth dengan memfokuskan kepada panduan perancangan yang lebih holistik dan meneroka kaedah perancangan yang baharu.

Kerajaan Negeri akan turut fokus dengan membangunkan Butterworth Arena yang terletak di Ampang Jajar di atas tanah milikan Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI). Butterworth Arena telah dinamakan sebagai Penang International Convention Centre Cultural & Arts Centre (PICCA) @Butterworth Arena dan kini telah menjadi tumpuan utama bagi pihak penganjur program besar melibatkan 3,000 orang pada satu-satu masa bagi kawasan Seberang Perai serta penduduk negeri Kedah. Kerajaan Negeri juga mempunyai perancangan masa depan untuk melaksanakan Pembangunan bercampur di tanah Kerajaan seluas 40 ekar terletak berhampiran PICCA. Pembangunan bercampur tersebut akan melibatkan komponen seperti perumahan, industri kecil, hotel, pejabat dan pusat perniagaan. Pembangunan ini masih dalam peringkat perancangan.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa proaktif dalam mendapatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek pembangunan semula bandar Butterworth yang melibatkan projek-projek infrastruktur awam di bawah Kerajaan Persekutuan seperti pembinaan LRT dan sebagainya. Sebagai langkah untuk mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan, projek pembangunan semula bandar Butterworth ini dicadangkan untuk dilaksanakan secara *Public Private Partnership* (PPP) supaya pihak swasta boleh turut serta dalam melabur dalam projek pembangunan mengikut komponen projek yang ditawarkan dengan menggunakan idea dan kepakaran mereka. Pihak berkuasa tempatan khususnya MBSP juga senantiasanya berusaha untuk mendapatkan dana daripada

Kerajaan Persekutuan bagi projek pembangunan semula bandar Butterworth. Dana yang telah diluluskan pada penghujung April 2024 dan akan dilaksanakan tahun semasa adalah Geran Kerja-Kerja Pemuliharaan, Pemeliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) Kemudahan Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Serta Penyelenggaraan dan Pembaikan Fasiliti (PPUN) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk Projek Naik Taraf Butterworth Art Walk Fasa II. Manakala, Program Geran Pekan Seberang Perai 2024 dengan kerjasama MBSP dan Think City bagi program komuniti di peringkat *technical review* bagi projek berbentuk *community approach* yang akan dilaksanakan dalam tahun 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

4. Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan semasa waktu puncak yang sering berlaku di Terminal Feri Pulau Pinang?
 - (a) Apakah cadangan terkini untuk mengembalikan perkhidmatan feri yang membawa muatan kereta?
 - (b) Adakah *Real-Time Monitoring System* boleh digunakan supaya pengguna feri dapat merancang perjalanan feri dengan lebih tepat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Perkhidmatan feri baharu Pulau Pinang telah bermula pada 6 Ogos 2023. Kapasiti feri baharu ini adalah sebanyak 200 penumpang di mana feri ini mampu memuatkan sebanyak 150 orang penumpang pejalan kaki serta 50 penumpang motosikal dan basikal pada satu-satu masa.

Perkhidmatan feri ini bermula pada jam 6.30 pagi di Pengkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), Butterworth dan feri terakhir berlepas pada jam 10.00 malam di Pengkalan Tun Raja Uda (PRTU), Weld Quay.

Kesesakan penumpang sering berlaku pada waktu puncak pagi dan waktu puncak petang. Sehubungan itu, pihak Penang Port Sdn. Bhd, (PPSB) selaku operator telah menambah baik perkhidmatan feri

dengan menambah beberapa trip feri pada waktu puncak agar masa menunggu tidak terlalu lama.

- (a) Perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang telah ditamatkan sepenuhnya dan digantikan dengan feri/bot laju bagi penumpang pejalan kaki, motosikal dan basikal bermula 7 Ogos 2023. Buat masa ini pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengembalikan feri ikonik sebagai feri untuk mengangkut penumpang mahupun kenderaan memandangkan feri ikonik sudah lama dan uzur di mana terdapat beberapa feri yang telah beroperasi sejak tahun 1975 dan adalah tidak *economical* untuk diselenggara dengan mengambilkira isu keselamatan kepada pengguna-pengguna feri.

Selain itu, sekiranya feri ikonik ingin dikembalikan semula sebagai pengangkutan awam, kemudahan di kedua-dua pengkalan untuk pendaratan perlu dinaiktaraf untuk diselarakan dengan pembangunan semasa. Kerajaan Negeri berpandangan reka bentuk dan spesifikasi feri baharu yang digunakan kini lebih canggih dan moden membolehkan pengurusan masa mendarat yang lebih tepat, selamat dan selesa.

Tambahan pula, lesen yang telah diberikan kebenaran dan kelulusan dari Jabatan Laut Malaysia adalah melibatkan feri penumpang dan kenderaan beroda dua sahaja

- (b) Buat masa ini pihak operator PPSB tidak menggunakan *Real-Time Monitoring System* untuk perkhidmatan feri. Terdapat beberapa faktor boleh mempengaruhi operasi feri antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) Faktor cuaca

Cuaca yang tidak menentu (hujan lebat/ombak kuat) adalah diluar kawalan PPSB yang boleh menyebabkan operasi feri terganggu dan tergendala kerana faktor-faktor keselamatan.

- (ii) Kapasiti Feri Pulau Pinang

Feri Pulau Pinang mampu memuatkan seramai 150 penumpang pejalan kaki serta 50 penumpang

bermotosikal dan berbasikal pada satu-satu masa. Sekiranya kapasiti feri telah penuh, lebih penumpang perlu menunggu trip perjalanan seterusnya.

Walau bagaimanapun, untuk memberikan perkhidmatan feri yang terbaik, PPSB telah mengambil inisiatif dengan membuat penambahan trip pada waktu puncak bagi kemudahan pengguna feri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

5. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk melarang orang awam daripada menghisap rokok dan vape di kawasan larangan merokok?
- (a) Mengapa pegawai Pihak Berkuasa Tempatan atau pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia tidak membuat operasi penguatkuasaan pada waktu petang atau malam untuk premis-premis yang beroperasi 24 jam?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) adalah memantau dan menjalankan operasi penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau di kawasan larangan merokok di Negeri Pulau Pinang secara berkala termasuk di luar waktu pejabat.
- (a) Pihak JKNPP telah melaksanakan sebanyak 694 operasi sepanjang tahun 2023 dan 235 operasi pada Januari sehingga April 2024 di luar waktu pejabat. Secara keseluruhan sebanyak 6739 notis kesalahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2023 manakala sebanyak 2913 notis dikeluarkan dari Januari sehingga April 2024 di kawasan larangan merokok. Orang awam turut boleh menyampaikan maklumat atau mengemukakan aduan mengenai kesalahan larangan merokok termasuk penggunaan vape dan shisha di tempat larangan merokok melalui WhatsApp / Telegram / SMS : 010-8608949

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

6. Bagaimanakah cara untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas yang sering terjadi di persimpangan memasuki Pelabuhan Pulau Pinang dari persimpangan BORR Bagan Dalam?
- (a) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pemandu lori kontena yang sering menghalang laluan masuk dan berhenti di pertengahan simpang jalan?
 - (b) Jabatan mana yang bertanggungjawab dalam isu sebegini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan lalulintas yang sering terjadi di persimpangan memasuki Pelabuhan Pulau Pinang dari persimpangan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) adalah seperti berikut:-
- (i) Penang Port Sdn Bhd telah melaksanakan program penyusunan trafik mengikut sistem penjadualan, *Vehicle Booking System* (VBS) yang telah dilaksanakan bermula 15 September 2023;
 - (ii) Membenarkan kontena-kontena yang bakal dieksport memasuki *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) lima (5) hari sebelum ketibaan kapal; dan
 - (iii) Menyediakan lokasi baharu bagi membolehkan lori atau treler terus memasuki pelabuhan tanpa beratur di pintu masuk seterusnya membolehkan proses pengambilan kontena dan terus keluar dari terminal.

- (a) Tindakan yang boleh diambil terhadap pemandu lori kontena yang sering menghalang laluan masuk dan berhenti di pertengahan simpang jalan adalah dengan mengenakan tindakan penguatkuasaan atau saman ke atas kenderaan tersebut. Selain itu, dicadangkan pemasangan kamera litar tertutup di persimpangan tersebut bagi mengambil tindakan saman melalui rakaman kamera bagi kesalahan berhenti di petak kuning.
- (b) Jabatan yang bertanggungjawab dalam isu begini adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

7. Apakah pelan tindakan atau strategi Pulau Pinang ke arah revolusi perindustrian IR 5.0?
- (a) Apakah perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penyediaan awal ke arah penggunaan IR 5.0?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Sejarah perindustrian selama lebih daripada 50 tahun telah menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai salah satu hub *global* bagi industri elektrik dan elektronik. Negeri Pulau Pinang juga merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai ekosistem *Front End* dan *Back End* semi konduktor yang lengkap. Ini merupakan hasil daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* dalam menarik pelaburan yang strategik dan berkualiti tinggi. Dalam masa yang sama, pihak *InvestPenang* turut membantu menjalinkan kerjasama erat di antara pemain-pemain utama industri seperti syarikat-syarikat *Multinationals* (MNCs), *Local Large Companies* (LLCs) dan juga Industri Kecil & Sederhana (IKS) yang dilaksanakan melalui program-program *Business Matching*, *Supplier Day*, persidangan dan pameran industri antarabangsa seperti *Semicon Southeast Asia* dan sebagainya.

Kelebihan ini telah memberi manfaat kepada pemain-pemain utama industri dalam membangunkan dan melaksanakan Industri 4.0 di kampus-kampus perindustrian mereka di Pulau Pinang. Pencapaian Industri 4.0 ini juga telah menyediakan *platform* yang kukuh kepada para pemain utama industri di Pulau Pinang untuk terus bergerak ke

hadapan dan membina keupayaan dalam membangunkan fasa Industri 5.0 yang menyaksikan manusia bekerja bersama teknologi canggih seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IOT)*, *Big Data*, *Cloud Computing* dan sebagainya.

- (a) Kerajaan Negeri telah melancarkan *Penang IC Design and Digital Park* di Bayan Lepas, Pulau Pinang sebagai salah satu strategi dan langkah penting penyediaan awal *Industry 5.0*. Tujuan utama projek pembangunan *Penang IC Design and Digital Park* ini adalah untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi seperti Reka Bentuk IC, R&D, Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS), Pelaburan Teknologi Digital dan *Circular Digital Economy Ecosystem* bagi memupuk inovasi, memacu pertumbuhan dalam industri utama serta menarik bakat terbaik untuk berkhidmat di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memulakan projek-projek *Global Business Services (GBS)* di mana pada peringkat Fasa 1, PDC kini sedang dalam proses untuk menyiapkan dua (2) bangunan GBS iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* di kawasan Technoplex, Taman Perindustrian Bayan Lepas yang mempunyai jumlah ruang sewaan seluas 350,000 kaki persegi untuk menampung permintaan bagi sektor GBS, industri semikonduktor dan reka bentuk litar bersepadu. Projek ini dijangka siap sebelum penghujung tahun 2024 dan dijangka dapat menampung permintaan sektor IR 5.0.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut bersiap sedia memupuk dan meningkatkan tenaga kerja di Pulau Pinang termasuk rancangan strategik untuk menarik dan mengekalkan bakat di tempat kerja, mengatasi jurang penawaran dan permintaan dalam bidang *Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM)* serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan kerjasama dengan institusi latihan dan juga institusi pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

8. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan PBT dalam menangani isu tanah dan bangunan yang telah lama terbiar dan usang?
- (a) Adakah terdapat pangkalan data untuk bangunan atau tanah yang telah lama terbiar?
 - (b) Apakah tindakan susulan yang boleh diambil terhadap pemilik rumah yang membiarkan rumah usang dan membahayakan jiran?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri pada ketika ini tidak mempunyai tindakan yang khusus dalam menangani isu tanah/ bangunan yang terbiar dan usang selagi tidak menimbulkan kacau ganggu dan tidak melibatkan ancaman keselamatan kepada orang awam dan bangunan yang bersampingan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keadaan di mana bangunan-bangunan ini mendatangkan bahaya dan kacau ganggu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dengan mengeluarkan notis yang menghendaki pemunya tanah/ bangunan tersebut menghapuskan kacau ganggu dan struktur berbahaya.

Kerajaan Negeri dan PBT senantiasa memantau dan melakukan lawatan tapak terhadap sebarang aduan berkenaan dengan isu tanah dan bangunan lama yang terbiar dan usang. Pada masa yang sama, dasar rejuvenasi atau pembangunan semula bandar telah

diperkenalkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP) di mana ia dapat mengurangkan isu ini di Pulau Pinang.

- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai pangkalan data bagi bangunan dan tanah yang telah lama terbiar.
- (b) Tindakan susulan yang boleh diambil ke atas pemilik rumah usang dan membahayakan jiran adalah seperti berikut:
 - (i) Jika selepas menjalankan apa-apa penyiasatan, PBT mendapati sesuatu bangunan atau apa-apa benda yang terlekat padanya adalah dalam keadaan yang menyebabkan kacau ganggu, hampir runtuh, mungkin akan jatuh atau dalam apa-apa cara jua berbahaya kepada seseorang yang berada di dalamnya atau pejalan kaki atas jalan-jalan yang bersampingan dengan bangunan itu, PBT hendaklah menyampaikan notis kepada pemunya bangunan itu menghendakinya sama ada membaiki kecacatan-kecacatan itu atau meruntuhkan bangunan itu atau apa-apa benda yang terlekat padanya dalam tempoh yang dinyatakan oleh PBT boleh juga menghendaki pemunya itu mendirikan apa-apa papan dinding atau pagar mengikut apa-apa penentuan dan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan olehnya;
 - (ii) Jika pemunya itu tidak mendirikan papan dinding atau pagar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau tidak mendirikan papan dinding atau pagar mengikut penentuan PBT, PBT boleh memasuki premis di mana bangunan itu terletak dan mendirikan papan dinding atau pagar itu; dan
 - (iii) Sekiranya notis masih tidak dipatuhi tindakan mahkamah boleh diambil ke atas pemunya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

9. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjaga ekosistem pesisiran pantai Pulau Pinang oleh pihak Kerajaan Negeri memandangkan pelbagai projek tambakan tanah telah dan sedang dilaksanakan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Dalam menjaga ekosistem pesisiran pantai Pulau Pinang Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang telah melaksanakan program-program seperti berikut:-
- Menjalankan penguatkuasaan ke atas punca pencemar yang tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
 - Menjalankan pengawasan kualiti air sungai secara berkala.
 - Mengadakan program kesedaran awam dan pendidikan secara berkala.
 - Menjalankan penguatkuasaan berkaitan *Environmental Impact Assesment* (EIA).
 - Pengawalan melalui pelesenan dan kebenaran bertulis, notifikasi seperti pembinaan Loji rawatan air mengikut amalan kejuruteraan yang baik.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

10. Apakah tindakan tegas yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri terhadap individu yang telah menyewakan lesen perniagaan mereka kepada warga asing secara tidak sah?
- (a) Senaraikan jumlah lesen perniagaan yang telah disewakan kepada warga asing.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Tindakan tegas yang boleh atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada individu yang telah menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing adalah seperti berikut:
- (i) Membatalkan lesen perniagaan tersebut di atas kesalahan pelanggaran syarat-syarat pelesenan;
 - (ii) Mengeluarkan notis dan kompaun atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan sekiranya peniaga masih menjalankan perniagaan selepas lesen dibatalkan;
 - (iii) Mengambil tindakan dengan menutup premis di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
 - (iv) Mengenakan tindakan mahkamah di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah;

- (v) Menyita dan merampas barangan perniagaan; dan
- (vi) Mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pemilik premis berkenaan bagi mendapatkan representasi dalam masa 14 hari.
- (a) Sehingga kini, tiada lesen perniagaan yang telah disewakan kepada warga asing di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula terdapat dua (2) premis yang telah dikenal pasti disewakan kepada warga asing dan MBPP telah menarik balik lesen tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

11. Berapakah jumlah bilangan doktor dan jururawat yang sedang berkhidmat di Pulau Pinang?
- (a) Adakah nisbah doktor kepada pesakit mencukupi mengikut nisbah yang ditetapkan oleh KKM?
 - (b) Adakah nisbah jururawat kepada pesakit mencukupi mengikut nisbah yang ditetapkan oleh KKM?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Sehingga 30 April 2024, Seramai 1763 orang Pegawai Perubatan dan 461 orang Pakar Perubatan dari pelbagai sub kepakaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang berkhidmat di negeri Pulau Pinang. Bilangan Pegawai Perubatan berstatus tetap adalah seramai 1353 manakala 410 orang berstatus kontrak. Pecahan hospital dan kawasan yang ditempatkan Pegawai Perubatan pula adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- (a) Berdasarkan data yang dikumpulkan Bahagian Perancangan, KKM, nisbah bilangan doktor berdaftar kepada penduduk sehingga 31 Disember 2022 adalah seramai 1:407 yang mana nisbah ini hampir mencapai sasaran ditetapkan KKM iaitu 1:400 pada tahun 2025, namun masih belum mencukupi.

- (b) Bilangan Jururawat bertugas di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sehingga 30 April 2024 pula adalah seperti di **LAMPIRAN 2.**

Berdasarkan data yang dikumpulkan Bahagian Perancangan, KKM, nisbah bilangan jururawat secara keseluruhan kepada penduduk bagi negeri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2022 adalah seramai 1:202 orang yang mana nisbah ini hampir mencapai sasaran ditetapkan *World Health Organization* iaitu 1:200 orang penduduk.

LAMPIRAN 1**PECAHAN HOSPITAL DAN KAWASAN YANG DITEMPATKAN
PEGAWAI PERUBATAN**

BIL	PUSAT TANGUNGJAWAB	PEGAWAI PERUBATAN TETAP	PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK	PAKAR PERUBATAN	JUMLAH
1	Hospital Pulau Pinang	392	131	255	778
2	Hospital Seberang Jaya	215	91	100	406
3	Hospital Bukit Mertajam	79	63	27	169
4	Hospital Kepala Batas	84	53	16	153
5	Hospital Sungai Bakap	37	19	0	56
6	Hospital Balik Pulau	29	15	0	44
9	Pejabat Kesihatan SPU	110	5	13	128
10	Pejabat Kesihatan SPT	115	6	10	131
11	Pejabat Kesihatan SPS	72	7	8	87
12	Jabatan Kesihatan Negeri	27	0	10	37
13	Pintu Masuk Antarabangsa	1	0	1	1
JUMLAH KESELURUHAN		1,353	410	461	2,223

LAMPIRAN 2**PECAHAN HOSPITAL DAN KAWASAN YANG DITEMPATKAN JURURAWAT**

BIL	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JURURAWAT TERLATIH	JURURAWAT MASYARAKAT	JUMLAH
1	JKN	5	0	5
2	BHG PERUBATAN (HOSPITAL)	2,908	272	3,180
3	KESIHATAN AWAM	683	523	1,206
	JUMLAH	3,596	795	4,391

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

12. Apakah langkah-langkah yang telah diatur untuk penduduk berumur 65 tahun dan ke atas untuk mengatasi isu penuaan negeri Pulau Pinang selain daripada penghargaan warga emas?
- (a) Senaraikan strategi untuk kesejahteraan golongan warga emas di Pulau Pinang.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sesebuah negara adalah negara menua jika 7% daripada jumlah penduduk telah berumur 65 tahun dan ke atas.

Antara langkah-langkah yang telah dirancang untuk penduduk Pulau Pinang yang berumur 65 tahun dan ke atas adalah melalui pendekatan perancangan di bawah:

- (a) Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu meningkatkan kesejahteraan warga emas di dalam komuniti dengan penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). PAWE bertujuan menghimpunkan warga emas bersama dengan golongan yang lebih muda dari pelbagai bangsa dan latar belakang serta menjalankan aktiviti yang bersesuaian.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan kepada warga emas

melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Setakat ini, terdapat 6 buah PAWE di Negeri Pulau Pinang iaitu PAWE Bukit Mertajam, PAWE Sungai Dua, PAWE Permatang Pauh, PAWE Bayan Baru, PAWE Balik Pulau dan PAWE Batu Kawan. Bagi tahun 2024, 3 buah PAWE baharu dalam proses penubuhan iaitu PAWE Kepala Batas, PAWE Jelutong dan PAWE Bukit Bendera.

(b) Pelbagai aktiviti / program disediakan dan dilaksanakan di PAWE seperti berikut:

- (i) Program Keagamaan;
- (ii) Program Rekreasi;
- (iii) Program Terapi dan Pemulihan;
- (iv) Program Ceramah Kesihatan; dan
- (v) Latihan atau kursus yang bersesuaian

1) Kerajaan Negeri peka bahawa Pulau Pinang akan menjadi sebuah negeri menua menjelang tahun 2040. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam proses mentransformasikan Pulau Pinang ke Bandar Mesra Usia dalam masa 4 tahun ini, seperti yang dirangka oleh World Health Organisation (WHO). Rangka Kerja WHO yang meliputi 8 domain merangkumi persekitaran fizikal, penglibatan sosial dan akses kepada perkhidmatan dan sumber-sumber, dengan mengambil kira keperluan semua usia, terutamanya warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Pada masa ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang memperhalusi Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia MBPP selepas mengadakan tiga sesi Kumpulan Tumpu Bincang dengan pemegang taruh. Pelan tersebut dijangka siap pada bulan Jun 2024.

Beberapa strategi utama telah dirancang dan sedang dalam pelaksanaan untuk mengukuhkan

kesejahteraan golongan warga emas di Pulau Pinang. Antaranya adalah:

- 2) Inisiatif Bandar Mesra Usia (Age Friendly City) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah melaksanakan Bandar Mesra Usia dalam memastikan kesejahteraan golongan warga emas tidak terabai. MBPP telah menjadi ahli Global Network of Age-Friendly Cities and Communities yang diiktiraf dan turut memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia (Age Friendly City) yang dijalankan secara berperingkat. Tujuan inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada semua golongan terutamanya warga emas. Berikut adalah fasa-fasa pelaksanaan:

Fasa pertama

Pelaksanaan program kesedaran dan juga kajian bagi memahami jurang yang dihadapi oleh rakyat.

Fasa kedua

Pelaksanaan program berdasarkan polisi dan inisiatif hasil daripada dapatan kajian.

Fasa ketiga

Konsep bandar mesra usia akan dilaksanakan.

Kini, MBPP berada di Fasa 2 dan disasarkan untuk menyempurnakan Fasa 3 pada bulan Disember 2025.

- (c) Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif Negeri Pulau Pinang telah dilancarkan pada September 2022, bertujuan untuk membangunkan komuniti dan membentuk persekitaran mampan dengan menumpukan beberapa teras utama seperti kesihatan, penyertaan masyarakat dan keselamatan bagi meningkatkan kualiti hidup seiring dengan peningkatan usia individu.
- (d) Pembelajaran Sepanjang Hayat

Strategi ini memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Strategi ini memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang memberi tumpuan kepada persediaan awal dan tindakan pencegahan serta usaha untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas pada masa kini dan hadapan. Pendekatan ini telah dilaksanakan oleh Digital Penang dalam memberi peluang pembelajaran kepada warga emas untuk membiasakan diri dengan gajet dan aplikasi serta teknologi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

13. Sejauh manakah Kerajaan Negeri dapat menerapkan konsep Malaysia Madani kepada penduduk negeri Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menerapkan konsep Malaysia Madani kepada setiap rakyat.
 - (b) Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah berkenaan stereotaip di antara kaum dan jantina?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Berdasarkan rekod, sebanyak 18 buah program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menerapkan konsep Malaysia MADANI kepada rakyat. Perincian program-program berkenaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Negeri mengutamakan fokus dalam mengatasi masalah berkenaan stereotaip di antara jantina dengan menerapkan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang dirangka pada 2018 bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan visi Penang 2030. Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah awal pelaksanaan DKG melalui *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012 yang iaitu pendekatan atau metodologi yang mesra gender dan memastikan sumber-sumber yang diperuntukkan oleh

kerajaan negeri dapat menjamin keseimbangan sosial dan ekonomi untuk rakyat.

Enam (6) strategi telah dirangka seperti berikut:

- (i) Latihan dan Pendidikan Secara Berterusan Bagi Keterangkuman Gender

Menyediakan latihan bagi semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa untuk memastikan semua anggota memiliki ilmu dan kemahiran yang relevan dengan konsep KG.

- (ii) Pengumpulan *Sex-Disaggregated Data* (SDD)

SDD perlu dikumpul secara sistematik dan dianalisa untuk melihat impak terhadap dasar sedia ada. SDD merupakan data yang menunjukkan perbezaan keadaan wanita dan lelaki, serta kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki.

- (iii) Memastikan keseimbangan gender di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri

Memastikan peluang yang sama diberikan kepada semua lelaki dan wanita di peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan di Negeri Pulau Pinang mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita yang berkelayakan.

- (iv) Pelaksanaan GRPB sepenuhnya di peringkat Kerajaan Negeri

Pelaksanaan GRPB secara sepenuhnya dan sistematik di semua jabatan dan agensi kerajaan negeri di Pulau Pinang.

- (v) Konsultasi dan Rakan Kongsi Strategik dengan pelbagai Agensi Kerajaan, Sektor Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Komuniti

Mendapatkan komitmen dari pihak awam dan sektor swasta dalam melaksanakan program-program yang

berteraskan KG, maka kerjasama antara semua pihak yang terlibat amat diperlukan.

(vi) Pemantauan dan Penilai

Maklum balas dan keberkesanan program hasil daripada pemantauan dan penilaian pelaksanaan dasar ini dapat dikumpul dan digunakan sebagai input penambahbaikan perancangan program dan pembentukan dasar masa hadapan.

LAMPIRAN A

**SENARAI PROGRAM ANJURAN JABATAN/AGENSI
UNTUK MENERAPKAN KONSEP MALAYSIA MADANI KEPADA
SETIAP RAKYAT BAGI TAHUN 2023-2024**

BIL.	JABATAN/ AGENSI/ BAHAGIAN	TAHUN	NAMA PROGRAM	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG				
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2024	Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 5 April 2024 di UiTM Pulau Pinang	
2			Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara pada 3 hingga 5 Mei 2024 di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang	
JABATAN/ AGENSI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG				
3	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)	2023	Program Pengimarahannya MADANI dan Forum Keilmuan Islam Peringkat Negeri Pulau Pinang	
4			Lawatan Mahabbah 'Memperkasa Masyarakat MADANI'	
5			Santai <i>Street</i> Dakwah Belia MADANI	
6			Kem Motivasi Belia MADANI	
7		2024	Bahagian Pengurusan Halal: Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal Usahawan MADANI pada 19-20 Februari 2024 bertempat di Hotel Olive Tree Pulau Pinang	
8			Forum Perdana "Harmoni Bangsa, Saksama Bersama" dalam Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara pada 3 hingga 5 Mei 2024 di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang	
9		Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	2023	Persidangan Wakaf MADANI 2023 di Bertam Resort, Kepala Batas pada 26 September 2023
10			2024	Seminar Wakaf: Konsep Adil dan Ihsan Menerusi Wakaf di Hotel The Light, Seberang Jaya pada 22 Februari 2024
11	Majlis Sambutan Aidilfitri 2024/1445H Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang Bersama Agensi Islam pada 30 April 2024			

PEJABAT DAERAH DAN TANAH			
12	Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut	2024	Pempamer reruai dalam Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara pada 3 hingga 5 Mei 2024 di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang
13	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah	2024	Jualan Termurah MADANI di Lembah Makanan Bandar PERDA pada 16 Februari 2024
14			Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Pemimpin Masyarakat Tok Kun di Hotel The Light pada 5 Mei 2024
15			Majlis Kenduri Rakyat Aidilfitri Perpaduan Bersama YAB Perdana Menteri di Galeri Pejuang, Cherok Tok Kun pada 5 Mei 2024
16	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	2024	Ceramah Malaysia MADANI
17			Jualan Rahmah MADANI
18			Pasar Tani Mingguan Agro MADANI

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

14. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tekanan air kawasan perumahan di Bagan Dalam?
- (a) Apakah kaedah yang digunakan oleh PBAPP untuk memeriksa air yang sampai kepada pengguna adalah selamat dan boleh digunakan dengan terus?
 - (b) Adakah berlakunya peningkatan *non-revenue water* di Pulau Pinang sejak lima tahun kebelakangan ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah melaksanakan pemantauan tekanan di kawasan Bagan Dalam dan rekod telah menunjukkan tekanan purata adalah sebanyak 37mH di kawasan tersebut. Tekanan ini adalah lebih tinggi berbanding keperluan tekanan minima yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebanyak 10mH. Penggantian paip-paip akan dilaksanakan khususnya paip-paip *GI – Galvanised Iron dan AC – Asbestos Cement* sekiranya terbukti tekanan rendah ini disebabkan oleh paip-paip yang telah usang dan tidak dapat menampung permintaan air terkini.
- (a) Makmal Pusat PBAPP telah menjalankan persampelan bersama setiap hari bersama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sampel air akan dianalisa oleh pihak Jabatan Kimia Malaysia serta Makmal Pusat PBAPP sebagai verifikasi data. Makmal Pusat PBAPP dan Makmal Jabatan Kimia Malaysia adalah makmal yang diakreditasi oleh

Jabatan Standard Malaysia (JSM) melalui sistem akreditasi, MS ISO/ IEC 17025:2017 dan sebarang pelanggaran parameter air akan diambil tindakan segera oleh pihak PBAPP dan KKM melalui persampelan semula yang akan dibuat serta merta bagi memastikan kualiti air minum mematuhi piawaian MS 2320:2010 (National Drinking Water Quality Index). Selain itu, kaedah ujian air yang merujuk kepada *Standard Method of Examination of Water & Wastewater* atau kaedah pembekal alatan ujian yang diiktiraf oleh MS ISO/ IEC 17025: 2017 juga digunakan untuk memastikan air yang sampai ke posisi meter premis adalah selamat dan boleh digunakan terus. Walau bagaimanapun, PBAPP juga menyarankan pemilik premis haruslah memastikan paip dalaman selepas meter adalah berada dalam keadaan baik dan melakukan penyelenggaraan atau pertukaran paip dalaman sekiranya paip dalaman ini telah usang demi menjamin kualiti air yang selamat dibekalkan selepas meter.

- (b) Terdapat jumlah peningkatan sebanyak 3.9% untuk rekod pencapaian *Non Revenue Water* (NRW) bagi tahun 2023 berbanding dengan tahun 2019 dengan merujuk data bagi 5 tahun kebelakang seperti berikut:

Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
Kadar NRW (%)	22.9	23.5	23.6	26.3	26.8

Walaupun bagaimanapun, NRW dijangka akan meningkat pada tahun-tahun akan datang disebabkan paip yang semakin usang dan tekanan yang tinggi dalam sistem retikulasi paip.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

15. Adakah kerajaan mempunyai Pelan Perancangan Hijau Negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah status pencapaian pelan tindakan tersebut?
 - (b) Siapakah yang terlibat dalam pelaksanaan pelan tindakan tersebut?
103	15	10886	2839	LOT 10886 JALAN ROZHAN	CHEROK TOKUN	WENG HONG HUNG CORPORATION (M) SDN. BHD.
104	15	10884	3064	JALAN ROZHAN	CHEROK TOKUN	K H YEAP SDN. BHD.
105	15	1827	TIADA MAKLUMAT	LOT 1827 ALMA	ALMA	SKT SOON TRADING SDN. BHD.
106	15	4950	2678	JALAN SELADANG	ALMA	SRI MAJUTEX SDN. BHD.
107	15	1159	2987	JALAN SELADANG	ALMA	RAVIRAJ SDN. BHD.
108	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LOT 5781/5782 JALAN SELADANG	TIADA MAKLUMAT ALMA	TONG YONG METAL SDN. BHD.
109	15	1787	986	JALAN RODZHAN	CHEROK TOKUN BAWAH	WENG JOO HONG SDN. BHD.
110	15	5705	2743	JALAN ROZHAN	TIADA MAKLUMAT	HENG EE TEXTILE SDN. BHD.
111	15	1789	2748	JALAN ROZHAN	TIADA MAKLUMAT	SSMC MARKETING (M) SDN. BHD.
112	16	1527	768	MACHANG BUBOK	TIADA MAKLUMAT	YAP TBUN MUN
113	16	2308	1459	JALAN BUKIT TEH	MACHANG BUBOK	BHANG TATT PLYWOOD SDN. BHD.
114	16	2033	6762	BUKIT TEH	TIADA MAKLUMAT	ENG BENG JOO @ NG BENG JOO
115	16	753	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS LOT 753 & 754 JALAN BESAR	BUKIT TEH	B.W. LUCKY ENTERPRISE
116	16	231	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS LOT 231 & 232, JALAN BESAR	MACHANG BUBOK	FASPRINT TEXTILE PRINTING SDN. BHD.
117	16	231	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS LOT 231 & 232, JALAN BESAR	MACHANG BUBOK	S-WAY TEXTTILE SDN. BHD.
118	17	1491	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	SUNWAY QUARRY INDUSTRIES SDN. BHD.

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
119	17	208	LOT 208	BERAPIT	BERAPIT	PEMUNYA
120	17	1553	LOT 1553	JALAN SUNGAI LEMBU	TIADA MAKLUMAT	PEMUNYA
121	17	224	768	JALAN BERAPIT	TIADA MAKLUMAT	BAN SENG HUAT QUARRY
122	17	229	769	JALAN BERAPIT	TIADA MAKLUMAT	WENG LEE GRANITE QUARRY
123	17	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	HILL ROAD	TIADA MAKLUMAT	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
124	18	331	282	MENGGUANG	MENGGUANG	KWONG JOO HONG TAPIOCA FACTORY SDN. BHD.
125	18	9 & 10	553	SIMPANG TIGA	MENGGUANG	TROPICAL CANNING CORP SDN. BHD.
126	18	442, 443, 32	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	KWONG JOO HONG TAPIOCA FACTORY SDN. BHD.
127	18	927	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	ARUSKAYA SDN. BHD.
128	18	1206	6459	JALAN MENGGUANG SUNGAI LEMBU	TIADA MAKLUMAT	LEONG KENG FEI
129	18	932	6696	JALAN MENGGUANG BERAPIT	TIADA MAKLUMAT	TAN AH LEK @ TAN CHYE CHIN
130	19	3780	LOT3780	JALAN MENGGUANG KERETAPI	BUKIT MERTA JAM	PEMUNYA
131	20	931	LOT931	JALAN MENGGUANG KERETAPI	BUKIT MERTA JAM	A.P. AUTO TRADING SDN. BHD.
132	19	727	TIADA MAKLUMAT	LOT 727 JALAN MENGGUANG TITI	TELOK WANG	CHOP MAN FATT
133	20	909	1451	JALAN PECAH BATU	TIADA MAKLUMAT	TOP BASE STRUCTURE SDN. BHD.
134	20	899	610	KUBANG SEMANG	TIADA MAKLUMAT	ISMAIL B HJ ABDULLAH

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
135	20	353	880	KUBANG ULU	TIADA MAKLUMAT	LEE RUBBER CO LTD.
136	20	395	1419	MENGGUANG	TIADA MAKLUMAT	NG KIM KOOI
137	20	118	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LI HUAT OIL MILL SDN. BHD.
138	20	3782	246	MENGGUANG KERETAPI	KUBANG ULU	TEOH AH POAY
139	20	3782	247	MENGGUANG KERETAPI	KUBANG ULU	TEOH AH POAY
140	20	941	TIADA MAKLUMAT	JALAN MENGGUANG KERETAPI	KUBANG ULU	MYDAX ELECTRONICS INDUSTRY SDN. BHD.
141	20	157	894	KUBANG SEMANG	TIADA MAKLUMAT	LIM CHAI KING
142	21	620	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	WG TRADING SDN. BHD.
143	21	90	417	GUAR PERAHU	TIADA MAKLUMAT	AF MAJU ENTERPRISE
144	TIADA MAKLUMAT	PT93/62	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	HENG BEE FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.

**SENARAI BILANGAN DAN NAMA KILANG-KILANG YANG TELAH
BEROPERASI SECARA HARAM YANG TELAH DIKENAL PASTI
DARI TAHUN 2018 SEHINGGA 31 MAC 2024
BAGI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
1	1	507	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	HER CHENG SDN. BHD.
2	2	1139	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	ENG HEAP SENG HOLDINGS SDN. BHD.
3	2	3146	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	AMAN SENTOSA SDN. BHD.
4	2	1832	968	PERMATANG JANGGUS	KEPALA BATAS	ENG HEAP SENG RICE MILL SDN. BHD.
5	3	2983, 2984, 3581, 3584, 1249	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	KILANG BERAS LEONG GUAN SDN. BHD.
6	3	2474	572	PERMATANG TINGGI	TIADA MAKLUMAT	KILANG BERAS LEONG GUAN SDN. BHD.
7	3	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LAHAR TIANG	TIADA MAKLUMAT	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
8	4	606,605	643	PENAGA	TIADA MAKLUMAT	OOI LIAN SENG & 2 LAGI
9	4	1700	6520	LAHAR ENDIN	TIADA MAKLUMAT	LIM SIEW GEK
10	4	872	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TAN CHOO SAN
11	4	873	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TAN ENG AIK
12	4	1664	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	HOE SENG PLASTIC INDUSTRIES SDN. BHD.
13	4	600, 601, 605, 606, 645, 646	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	CHOO SENG RICE MILL
14	4	1779	1119	PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	LEE BOON CHAI & TEOH POH AEM

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
15	4	791	1113	PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	LEE BENG HOON
16	4	791	1113	PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	LEE CHEE HOCK
17	4	791	1113	PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	LEE CHEE HUP
18	4	791	1113	PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	LEE CHEE TEONG
19	4	791	1113	PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	LEE CHEE EE
20	4	1772	1122	JALAN PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	TRANSFORM ELECTRICAL INDUSTRY SDN. BHD.
21	4	2505	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS LOT 2505, JALAN PADANG BENGALI	TELOK AIR TAWAR	TEH NAM SENG & TEH LAM HUAT
22	4	1232	503	PERMATANG SINTOK	PENAGA	OOI TZE KUAN
23	5	5492	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	SENG CUSHION
24	5	330	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	KOPERASI PEKERJA KUMPULAN SOKONGAN PULAU PINANG BHD.
25	5	1246	1239	KAMPUNG PADANG	LAHAR KEPAR	KEPALA BATAS BIHUN SDN. BHD.
26	5	1712	777	LAHAR IKAN MATI	KEPALA BATAS	HITARO CORPORATION SDN. BHD.
27	5	1736	409	JALAN BUTTERWORTH	KEPALA BATAS	LEE AH MOW
28	5	1003	423	PERMATANG MANGGIS	KEPALA BATAS	KIM THYE LEONG RICEMILL SDN. BHD.
29	5	2209	1187	PERMATANG SINTOK	TIADA MAKLUMAT	SOON BEE CHAN RICE MILL SDN. BHD.
30	6	1199	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS LOT 1199, JALAN PONGSU	KEPALA BATAS	CIPLI INDUSTRIES SDN. BHD.

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
				SERIBU		
31	6	2362	1949	JALAN BERTAM	TIADA MAKLUMAT	Haidar Ali Bin Muthalif DL
32	6	1058	1472	JALAN LAHAR BUBU	KEPALA BATAS	GUAN SHEN OIL & RICE MILLS
33	6	1064	1485	JALAN LAHAR BUBU	KEPALA BATAS	CHNG SIN HOCK
34	6	1066	1422	JALAN LAHAR BUBU	KEPALA BATAS	LOH SEK PHANG & LOH SIEK HOW
35	6	1077	1416	JALAN LAHAR BUBU	KEPALA BATAS	LIM CHIN JOO
36	6	72	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	GUAN HIN FOODIES FACTORY (PULAU PINANG) SDN. BHD.
37	6	1201	5404	PONGSU SERIBU	TIADA MAKLUMAT	TAN KIM KUANG & HONG YEW WAH
38	6	1098	TIADA MAKLUMAT	NO 2668, JALAN DUA	JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI	LY YANG WOOD PRODUCTS
39	6	2401	TIADA MAKLUMAT	JALAN KUBANG MENERONG	TASEK GLUGOR	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
40	6	71	1124	JALAN KEDAH	KEPALA BATAS	CHEW SEANG WOUI
41	7	4381	TIADA MAKLUMAT	LOT 4381 JALAN BAGAN BELAT	TELOK AIR TAWAR	LIM HOCK SENG
42	8	5276	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	PUSAT LATIHAN USAHAWAN MARA
43	8	2286	TIADA MAKLUMAT	LOT 2286 PERMATANG MANGGIS	PERMATANG MANGGIS	PUSAT PENGELUARAN BENIH PADI LAHAR BUBU
44	8	2324	1483	SIMPANG AMPAT	PERMATANG BULOH	PERTUBUHAN PELADANG KAWASANAN LAHAR BUBU
45	9	333	352	MAKLOM	TIADA MAKLUMAT	FOCAL PARK SDN. BHD.

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
46	9	209	324	JALAN SUNGAI PUYU	TIADA MAKLUMAT	HO KIM KUAN
47	9	26	402	PERMATANG TENGAH	BUTTERWORTH	TAN SAW BEE & 5 YANG LAIN
48	9	87	157	JALAN PAKU LIMA	BAGAN AJAM	TAN CHIN KOON
49	9	69	212	JALAN BAGAN AJAM	BUTTERWORTH	KILANG BERAS SENG WOR SDN. BHD.
50	9	60	283	JALAN BAGAN AJAM	TIADA MAKLUMAT	TEH HEAN ENG DLL
51	9	330	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TAN ENG AIK
52	9	1508	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TAN CHOO SAN
53	9	331, 332	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	FOCAL PARK SDN. BHD.
54	9	13, 15	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LENHON KILANG KOPI SDN. BHD.
55	9	117	LOT 117	BAGAN LEBAI TAHIR	BUTTERWORTH	KJ TRADING SDN. BHD.
56	9	181	194	JALAN SUNGAI PUYU	TIADA MAKLUMAT	SIM GUAN HIN KEE SAWMILL SDN. BHD.
57	9	1494	381	JALAN SUNGAI PUYU	TIADA MAKLUMAT	SIVASANGARAN A/L SONAMUTHU
58	9	1494	381	JALAN SUNGAI PUYU	TIADA MAKLUMAT	SANTHI A/P SUBRAMANIAM
59	9	642	362	JALAN SUNGAI PUYU	BUTTERWORTH	BAN GUAN THYE & CO
60	9	1508	244	KAMPUNG BENGGALI	SUNGAI PUYU	TAN CHOO SAN
61	9	706	TIADA MAKLUMAT	JALAN KAMPUNG BENGGALI	SUNGAI PUYU	TAN ENG HONG HOLDINGS SDN. BHD.
62	10	606	TIADA MAKLUMAT	LOT 606 JALAN PERMATANG TOK JAYA	PERRMATANG TOK JAYA	MULTILINK INDUSTRIAL ENGINEERING SDN. BHD.

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
63	10	562	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	ENG LOONG FURNITURE INDUSTRIES (M) SDN. BHD.
64	10	703, 704	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	MARINA SOFA SDN. BHD.
65	10	902	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	AWANA SOFA SDN. BHD.
66	10	669	988	KILANG PADI	RMATANG TOK JA	NEOH BROTHERS LTD.
67	10	153	947	SUNGAI LOKAN	TIADA MAKLUMAT	CHEW BENG HOOI
68	11	478	1780	PERMATANG KERAI BESAR	POKOK SENA	HASHIM BAKAR SDN. BHD.
69	11	1201	1315	SUNGAI DUA	TIADA MAKLUMAT	CHIN HIN BROTHERS RICE MILL SDN. BHD.
70	11	1173	1169	MERBAU KUDONG	SUNGAI DUA	NG BAK YONG
71	11	2395	TIADA MAKLUMAT	SUNGAI DUA	TIADA MAKLUMAT	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
72	12	1548	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	DOUBLE SECURE PRODUCTS (M) SDN. BHD.
73	12	1345	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LIM SING HOO
74	12	PT1758	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	SHAN TATT ENTERPRISE
75	12	603, 604	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	SLX AGRICULTURE PRODUCTS SDN. BHD.
76	12	1797	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	KUALITI KAYU SDN. BHD.
77	12	1549	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LUSTY ENGINEERING & CONSTRUCTION
78	12	1551	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LAZIM ASIA SDN. BHD.
79	12	1613	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	LIM CHIN KOK
80	12	1123	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	KILANG BIHUN

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
						BERAS INDAH SDN. BHD.
81	12	4365	1460	SIMPANG TIGA	TASEK GLUGOR	GOOI LIAK KUANG (FACTORY)
82	12	PT1549	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS PLOT 1549 TINGKAT SELAMAT 2	KAMPUNG SELAMAT	ANG JOO LOONG
83	12	1434	TIADA MAKLUMAT	DI ATAS LOT 1434 TINGKAT SELAMAT 7	KAMPUNG SELAMAT	YAAP GOH LIM
84	12	1403	TIADA MAKLUMAT	LOT 1403 & 1404 TINGKAT SELAMAT 9	KAMPUNG SELAMAT	TM BRICKS INDUSTRIES SDN. BHD.
85	12	3795	TIADA MAKLUMAT	LOT 3795 TINGKAT SELAMAT 11	KAMPUNG SELAMAT	AMKAWASANOOD K.D. SDN. BHD.
86	12	4437	TIADA MAKLUMAT	LOT 1790 JALAN KAMPUNG BARU	KAMPUNG SELAMAT	ARINDU WOOD SDN. BHD.
87	12	2111	TIADA MAKLUMAT	LOT 2111 KUBANG MENERONG	TASEK GLUGOR	SEE HAI ENTERPRISE SDN. BHD.
88	13	802 & 804	918	GUAR PETAI	TIADA MAKLUMAT	KIM MA SUPERTILES SDN. BHD.
89	13	1,284	449	YARAK ESTATE	TASEK GLUGOR	YARAK EST (PACKING SHED)
90	13	354	6349	JALAN LUNAS	ARA KUDA	INSHENG WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.
91	13	352	TIADA MAKLUMAT	LOT 352 JALAN ARA KUDA	ARA KUDA	SYNCHONG HOE ENGINEERING SDN. BHD.
92	13	471	TIADA MAKLUMAT	BUKIT TOK ALANG	TIADA MAKLUMAT	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
93	14	440	4253	JALAN ONG YI HOW	OFF JALAN RAJA UDA	A OOI YAN HOCK

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
94	14	1968	4753	JALAN RAJA UDA	BUTTERWORTH	OOI BAH @ OOI KHENG KEONG
95	14	1018	1119	PEKAN SUNGAI PUYU	SUNGAI PUYU	TONG HONG WOOD WORKING FACTORY
96	14	340	4054	JALAN SUNGAI PUYU	TIADA MAKLUMAT	TAN PIN HOR @ TAN BOON HOCK
97	14	410	1697	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	KHOR SAY KAI
98	14	1059	6086	BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	TAN AH CHAI
99	14	1,059	6086	BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	TAN AH LING
100	14	1,059	1177	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	TAN AH CHAI
101	14	1059	1177	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	TAN AH LING
102	14	1061	5429	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	LIM NGAU & LIM BOEY TIANG
103	14	401	6221	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	MAKINO (M) SDN. BHD.
104	14	1464	4098	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	ONG CHIN BIN
105	14	1032	4673	PEKAN SUNGAI PUYU	TIADA MAKLUMAT	CHOP JOO CHOON
106	14	71	3963	BAGAN AJAM	TIADA MAKLUMAT	BRAZILIAN FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.
107	14	893	1629	JALAN RAJA UDA	BUTTERWORTH	TAN SENG CHYE
108	15	4132	3753	JALAN PERMATANG PAUH	BUTTERWORTH	LIM LEAN TENG
109	15	436,437	3738	JALAN SIRAM	BUTTERWORTH	KHIAN GUAN BISCUIT MANUFACTURING

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
						CO. SDN. BHD.
110	15	1950&444	3771	JALAN SIRAM	BUTTERWORTH	KEE NENG DEVELOPMENT SDN. BHD.
111	15	1215	4450	JALAN SIRAM	BUTTERWORTH	LUCKY EXPORTS (M) SDN. BHD.
112	15	76 & 1078	4249	JALAN SIRAM	BUTTERWORTH	PRECISION SPRINGS (M) SDN. BHD.
113	15	746	4484	JALAN SIRAM	BUTTERWORTH	FURTHER TOP SDN. BHD.
114	15	1897	3615	JALAN PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT	TAIPEI PLASTIC (M) SDN. BHD.
115	15	899	1590	JALAN PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT	SITT TATT COMPANY SDN. BHD.
116	15	1980	4278	JALAN PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT	SITT TATT COMPANY SDN. BHD.
117	15	1980	3088	JALAN PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT	SITT TATT COMPANY SDN. BHD.
118	15	1981	4404	JALAN PERMATANG PAUH	BUTTERWORTH	SITT TATT COMPANY SDN. BHD.
119	15	1981	1352	JALAN PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT	SITT TATT COMPANY SDN. BHD.
120	15	1976	3870	JALAN PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT	UPP PAPER INDUSTRIES SDN. BHD.
121	15	1973	4315	JALAN PERMATANG PAUH	BUTTERWORTH	UNITED COMMERCIAL TRADING (M) SDN. BHD.
122	16	3486	1063	MAKLOM	TIADA MAKLUMAT	OOI CHIN LIAN
123	16	198	1079	MAKLOM	SUNGAI PUYU	TAN CHOO SAN
124	16	198	1079	MAKLOM	SUNGAI PUYU	LIM SIEW HIANG
125	16	198	1079	MAKLOM	SUNGAI PUYU	TAN ENG AIK

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
126	16	4888	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TAN CHOI HIN SDN. BHD.
127	16	3529	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	SIEWA REVENUE SDN. BHD.
128	16	782	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	NAM LEAN CONSTRUCTION SDN. BHD.
129	16	198	1079	MAKLOM	SUNGAI PUYU	TAN ENG SOON
130	16	199	LOT 199	KAMPUNG MANGGIS	MAKLOM	PEMUNYA
131	16	4007	LOT 4007	KAMPUNG MANGGIS	SUNGAI PUYU	PEMUNYA
132	16	TIADA MAKLUMAT	1001	JALAN BAGAN LALLANG	BUTTERWORTH	TAN SENG JIN
133	16	589	750	HONG LIM TIMBER CO	KAMPUNG TELOK	HONG LIM TIMBER INDUSTRIES SDN. BHD.
134	16	3570	1046	KAMPUNG TELOK	SUNGAI DUA	HONG HUAT MILLWORK SDN. BHD.
135	16	603	TIADA MAKLUMAT	LOT 603 KPG TELUK	SUNGAI DUA	EDDY CHNG CHENG WOO
136	16	603	TIADA MAKLUMAT	LOT 603 KPG TELUK	SUNGAI DUA	EDWIN CHNG CHENG WEE
137	16	612	741	KAMPUNG TELOK	TIADA MAKLUMAT	TAN HEE TEAK
138	16	605	5361	KAMPUNG TELOK	SUNGAI DUA	TAN CHON HEE & LIM KIM HOAY
139	16	604	LOT 604	DI ATAS LOT 604 KAMPUNG TELOK	SUNGAI DUA	TENG HEE GHEE & 3 YG LAIN
140	16	50-1	789	JALAN BAGAN LALLANG	TIADA MAKLUMAT	HSH-HOCK SENG HIN SDN. BHD.
141	17	1553	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	TAN CHOI HIN SDN. BHD.
142	SEK. 3	TIADA MAKLUMAT	4450	JALAN SIRAM	BUTTERWORTH	BAN HIN LEONG & CO LTD.
143	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	5361	KAMPUNG TELOK	SUNGAI DUA	HOE BEE SDN. BHD. (TIMUR LOGAM)

LAMPIRAN B

BIL.	MUKIM	NO. LOT	NO. PREMIS	NAMA JALAN	TEMPAT	PEMUNYA
144	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	3870	JALAN PERMATANG PAUH	BUTTERWORTH	UPP PAPER INDUSTRIES SDN. BHD.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

20. Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kekurangan parkir awam di Pangsapuri Ria, Kampung Benggali di DUN Bagan Dalam?
- (a) Adakah kerajaan bercadang untuk melakukan pengambilan tanah untuk selesaikan isu kenderaan yang terpaksa parkir di bahu jalan dan penghuni sentiasa tertakluk kepada saman oleh pihak berkuasa?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil beberapa pendekatan untuk mengatasi masalah kekurangan parkir atau tempat letak kereta awam di Pangsapuri Ria, Kampung Benggali di DUN Bagan Dalam seperti berikut:
- (i) Melukis petak tempat letak kereta di Lebuh Kampung Benggali, Lebuh Benggali 1 dan Lebuh Benggali 2;
 - (ii) Melaksanakan penguatkuasaan tempat letak kereta secara berbayar; dan
 - (iii) Menambah 30 buah petak tempat letak kereta di kawasan gelanggang sedia ada.
- (a) Setakat ini, MBSP tidak bercadang untuk melakukan pengambilan tanah bagi menyelesaikan isu kenderaan yang

terpaksa diparkir atau diletakkan di bahu jalan yang menyebabkan penghuni sentiasa berdepan dengan kemungkinan disaman oleh pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, kini pihak MBSP sedang melaksanakan projek untuk menambah bilangan tempat letak kereta di bawah Projek Komuniti bagi Cadangan Projek Naik Taraf Gelanggang Serbaguna dan Tempat Letak Kereta, Kampung Lebu Benggali. Projek ini melibatkan penambahan sebanyak 30 buah petak tempat letak kereta dan dijangka siap pada Julai 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

21. Nyatakan status pembaikan mural yang semakin luntur di Butterworth *Art Walk*.
- (a) Mengapa tempat *hot spot* pelancongan ini tidak dijaga dengan baik dan terancang?
 - (b) Apakah status peruntukan dari MOTAC dan Kerajaan Negeri untuk pembaikan ini?
 - (c) Jabatan mana yang bertanggung jawab ke atas pemuliharaan projek ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Pembaikan “mural” di Butterworth *Art Walk* bagi Fasa I telah siap sepenuhnya pada 10 Januari 2024 dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- (a) *Hot spot* pelancongan atau mana-mana produk pelancongan di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai diseliasa dan diselenggara mengikut jadual secara berkala.
 - (b) Permohonan pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai di bawah peruntukan Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan dan Penyelenggaraan Kemudahan /Infrastruktur telah diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada penghujung April 2024 yang lalu. Kerja-kerja naik taraf Butterworth *Art Walk* Fasa II akan dilaksanakan dalam tahun semasa.

- (c) Jabatan yang bertanggungjawab bagi kerja-kerja pembaikan adalah Jabatan Pembangunan Lestari, Majlis Bandaraya Seberang Perai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

22. Apakah persediaan Kerajaan Pulau Pinang untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan terunggul di Malaysia?
- (a) Senaraikan perancangan aktiviti untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan untuk tahun 2024, 2025 dan 2026.
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk membantu ejen industri pelancongan di Pulau Pinang supaya mereka dapat menarik lebih pelancong?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Pulau Pinang menawarkan pelbagai tarikan pelancongan dan aktiviti yang boleh memenuhi kehendak pelbagai lapisan masyarakat dan pasaran yang berbeza. Pulau Pinang memiliki pelbagai jenis permata tersembunyi yang masih belum diterokai contohnya, *The Other Side of the Island* – Balik Pulau dan Teluk Bahang, dan *The Opposite Side of the Island* – Seberang Perai. Lokasi-lokasi ini dipenuhi dengan keindahan alam semula jadi.

Selain itu, beberapa hotel baru akan dibuka dalam masa dua (2) tahun di Pulau Pinang. *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC), Muzium Negeri Pulau Pinang yang akan dibuka selepas baik pulih, Galeri Arkeologi Guar Kepah yang bakal siap dan produk pelancongan sedia ada juga akan mempunyai beberapa penambahbaikan untuk mengalu-alukan pelancong pada tahun-tahun akan datang.

Produk pelancongan baharu yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri adalah Gurney Bay. Gurney Bay ialah taman pinggir laut yang terancang di atas tanah yang ditebus di luar Gurney Drive, George Town, Pulau Pinang. Pembangunan ini bertujuan sebagai *New Iconic Waterfront Destination for Penang*. Cadangan pelan induk konsep Gurney Bay merangkumi empat bidang yang berbeza iaitu *Seaside Retail F&B, Water Gardens, Beach dan Coastal Grove*. Projek Gurney Bay yang meliputi kira-kira 131 ekar tanah tebus guna dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Pembinaan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bernilai RM1.2 bilion dijangka bermula hujung tahun ini. Skop kerja projek ini termasuk pembinaan terminal baharu, infrastruktur dan kemudahan lain untuk penumpang. Projek ini dijangka mengambil masa antara 3 hingga 4 tahun untuk disiapkan. Pelan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bertujuan untuk menampung kira-kira 12 juta orang apabila siap pembinaan.

Projek kereta kabel Bukit Bendera pula akan menyediakan mod pengangkutan alternatif kepada landasan kereta api funikular sedia ada. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan dan, projek itu dijangka mengambil masa kira-kira dua tahun untuk disiapkan. Stesen atas akan terletak kira-kira 730 meter dari aras laut dan ia akan mengambil masa kira-kira 10 minit untuk membawa pelawat dari stesen bawah ke atas.

Penang Global Tourism (PGT) turut mengadakan pameran perdagangan dan jerayawara bersama-sama ejen bagi mempromosi dan menyampaikan maklumat terkini berkaitan pelancongan di Pulau Pinang.

- (a) Untuk tahun 2024 hingga 2026, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya akan dan sedang melaksanakan projek-projek pelancongan seperti berikut:
 - (i) Pembukaan Gurney Bay, sebuah projek berasaskan *waterfront* di Pulau Pinang. Cadangan pelan induk konsep Gurney Bay merangkumi empat bidang ciri yang berbeza iaitu: *Seaside Retail F&B, Water Gardens, Beach dan Coastal Grove*. Fasa 1 Gurney Bay telah dibuka kepada pengunjung pada awal tahun 2024;

- (ii) Projek Kereta Kabel di Bukit Bendera yang akan memulakan pembinaan di tapak pada tahun 2024;
- (iii) Ferringi Bay: *longest beachfront container boulevard* di Malaysia;
- (iv) *Penang Waterfront Convention Centre* yang sedang dalam proses pembinaan;
- (v) Hotel-hotel baharu termasuk The George Penang by The Crest, Penang Marriott Hotel, Crowne Plaza Penang Straits City, HARRIS Hotel Sunshine Penang, Citadines Tanjung Tokong Penang, lyf Georgetown Penang, Iconic Marjorie Hotel, Intercontinental Penang Resort, The Westin Penang, dan Le Meridien Penang Resort dan lain-lain;
- (vi) Projek kerja-kerja pemulihan Fort Cornwallis yang merupakan struktur bersejarah utama di Pulau Pinang dan salah satu struktur tertua di Malaysia dijangka siap menjelang suku pertama 2025. Projek itu diusahakan oleh George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC);
- (vii) Muzium Negeri Pulau Pinang iaitu salah satu bangunan tertua di Pulau Pinang, akan dibuka semula sebagai muzium negeri yang baharu selepas kerja-kerja pengubahsuaian siap. Muzium ini mempunyai status Kategori Satu di bawah UNESCO World Heritage Site, dan pengubahsuaian bahagian dalamnya dilakukan dengan perancangan yang teliti. Bangunan di sepanjang Jalan Farquhar amat penting kepada sejarah Pulau Pinang;
- (viii) Program pemasaran melalui Penang Global Tourism (PGT) melalui penyertaan pameran perdagangan dan pameran pelancongan dalam dan luar negara. Penglibatan Pulau Pinang dalam pameran pelancongan antarabangsa membantu mengekalkan momentum dan mendapatkan kedudukan yang kukuh serta kehadiran yang menyasarkan segmen *business-to-business* (B2B) dan *business-to-consumer* (B2C). PGT menganjurkan

sesi B2B untuk bertemu dengan pemain industri pelancongan Pulau Pinang untuk menjalin hubungan dan meneroka peluang perniagaan;

- (ix) *Experience Penang Roadshow* adalah sebuah jerayawara yang penting memastikan pelancongan Pulau Pinang bersedia untuk mengalu-alukan kedatangan pelancong antarabangsa ke Pulau Pinang. *Roadshow* itu adalah untuk mempromosikan dan mengemas kini produk Pulau Pinang kepada pemain industri. Ia juga menghubungkan pemain industri pelancongan Pulau Pinang dengan agensi pelancongan tempatan untuk meneroka lebih banyak peluang perniagaan. PGT bersama pemain industri pelancongan Pulau Pinang turut menyertai pameran pelancongan tempatan untuk mempromosikan produk pelancongan untuk pasaran domestik;
 - (x) PGT secara berterusan bekerjasama dengan Tourism Malaysia dan pejabat pelancongan di luar negara, syarikat penerbangan dan rakan perdagangan pelancongan luar negara dalam menyertai pameran perdagangan terkenal antarabangsa. Keseluruhan usaha akan memastikan impak yang optimum serta jangkauan kepada pasaran sasaran negeri;
 - (xi) Perjalanan Suai Kenal "*Familiarization (FAM) Trips*" ke Pulau Pinang adalah salah satu kempen promosi yang paling proaktif dan kos efektif. Ia mempromosikan Pulau Pinang dan membantu Pulau Pinang mengembangkan liputannya ke seluruh dunia. Lawatan ahli media juga memberikan liputan media yang baik untuk Pulau Pinang; dan
 - (xii) PGT juga akan menjalankan pelbagai kempen untuk pasaran yang disasarkan dengan bekerjasama dengan syarikat penerbangan *and Online Travel Agency (OTA)*.
- (b) Kerajaan Negeri melalui PGT menganjurkan jerayawara domestik dan antarabangsa untuk pemain industri Pulau Pinang yang menyediakan platform untuk mereka mempamerkan produk dan mengembangkan rangkaian

mereka dengan ejen pelancongan dan media tempatan serta antarabangsa.

PGT juga menyediakan platform '*penang travel deals*' untuk mempamerkan produk pelancongan secara percuma.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

23. Apakah perancangan kerajaan bagi pelaksanaan projek tebatan banjir menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri?
- (a) Berapakah peruntukan dan tempoh masa diperlukan bagi pelaksanaan secara keseluruhan?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti projek tebatan banjir yang perlu dilaksanakan dengan suntikan dana dari Kerajaan Persekutuan? Senaraikan projek yang dirancang, projek diluluskan dan tempoh masa pelaksanaan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan projek tebatan banjir dengan menggunakan dua (2) pendekatan iaitu melalui peruntukan pembangunan dan mengurus negeri serta peruntukan dari Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan projek-projek tebatan banjir berskala kecil dan sederhana yang dilaksanakan setiap tahun secara berkala adalah dengan menggunakan peruntukan pembangunan dan mengurus negeri. Manakala, peruntukan dari Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang pula digunakan untuk membiayai projek-projek kajian reka bentuk serta pelaksanaan projek mitigasi banjir yang berskala besar.
- (a) Anggaran kos keseluruhan yang diperlukan bagi pelaksanaan rancangan tebatan banjir di seluruh Pulau Pinang adalah sebanyak RM7.5 bilion. Senarai projek adalah seperti di

LAMPIRAN A. Pelaksanaan keseluruhan projek ini dijangka akan mengambil masa tiga puluh (30) tahun.

- (b) JPSPP telah mengenal pasti projek-projek tebatan banjir yang akan dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Sebanyak sembilan (9) projek tebatan banjir telah diluluskan dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM500.6 juta seperti di **LAMPIRAN B.**

**RANCANGAN PROJEK TEBATAN BANJIR DI SELURUH
PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH**

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM)
DAERAH TIMUR LAUT		
1	RTB Zon Sungai Pinang	326,480,578.91
2	RTB Zon S	21,811,063.87
3	RTB Zon Sungai Jelutong	97,693,923.22
4	RTB Zon N	75,239,735.84
5	RTB Zon Sungai Satu	145,282,854.16
6	RTB Zon Sungai Mas	8,868,241.38
7	RTB Zon Sungai Tokong Kecil	1,069,337.46
8	RTB Zon Sungai Teluk Nangka	3,335,859.18
9	RTB Zon Sungai Siru	2,057,535.38
10	RTB Zon Sungai Kecil	15,738,332.56
11	RTB Zon Sungai Kelian	55,297,426.47
12	RTB Zon Parit Tanjung Pinang	100,919,196.00
13	RTB Zon Sungai Bagan Jermal dan N20	22,936,837.43
14	RTB Zon Sungai Gelugor	85,261,359.18
15	RTB Zon Parit Batu Uban	4,554,951.51
16	RTB Zon Sungai Dua Besar	147,841,394.58
17	RTB Zon Sungai Relau	96,189,702.99
DAERAH BARAT DAYA		
1	RTB Sungai Pulau Betong	71,818,097.00
2	RTB Sungai Teluk Kumbar	47,955,927.50
3	RTB Sungai Bayan Lepas	34,701,355.00
4	RTB Sungai Dua	27,294,397.00
5	RTB Sungai Nibong Kecil	69,838,028.00
6	RTB Sungai Tiram	43,347,720.00
7	RTB Sungai Nipah	52,406,601.00
8	RTB Sungai Teluk Bahang	86,799,245.00
9	RTB Sungai Bagan Air Hitam	106,975,050.00
10	RTB Sungai Pinang	11,747,612.50
11	RTB Sungai Burung	99,257,340.00
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA		
1	RTB Mak Mandin dan Sungai Maklom	502,566,175.94
2	RTB Sungai Lokan dan Sungai Mat Arshad	333,059,192.86
3	RTB Sungai Orang Putih	132,693,576.46
4	RTB Sungai Kereh dan Sungai Korok	580,957,633.65
5	RTB Sungai Jarak	546,234,319.87

LAMPIRAN A

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM)
6	RTB Sungai Burung dan Sungai Udang	145,288,013.14
7	RTB Sungai Tembus	414,673,316.21
8	RTB Sungai Lahar Endin	362,877,426.61
9	RTB Sungai Abdul	306,493,034.22
10	Pembinaan Ban dan Pintu Air di Sungai Perai	146,956,972.50
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH		
1	RTB Sungai Juru	117,000,000.00
2	RTB Sungai Permatang Rawa	49,263,500.00
3	RTB Parit 4	50,843,000.00
4	RTB Parit 5	22,295,000.00
5	RTB Kebun Nenas	6,367,400.00
6	RTB Sungai Kilang Ubi	79,001,000.00
7	RTB Sungai Ara	25,863,500.00
8	RTB Sungai Pasir	29,081,000.00
9	RTB Sungai Tok Kedidi	23,748,400.00
10	RTB Sungai Junjung Mati/Sungai Tok Subuh/Parit 4	145,340,000.00
11	RTB Sungai Machang Bubok	53,560,000.00
12	RTB Taman Senangin	9,074,000.00
13	RTB Sungai Derhaka	74,594,000.00
14	RTB Sungai Mengkuang	109,109,000.00
15	RTB Sungai Samagagah	23,582,000.00
16	RTB Sungai Perai	109,284,500.00
17	RTB Perai A	47,450,000.00
18	RTB Perai B	10,887,500.00
19	Kerja-kerja Pembinaan dan Menaik Taraf Sistem Saliran di Daerah Seberang Perai Tengah	301,158,000.00
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN		
1	RTB Sungai Kerian	203,859,500.00
2	RTB Sungai Jawi	498,173,000.00
3	RTB Sungai Junjung:	39,052,000.00
4	Kerja-kerja Pembinaan dan Menaik Taraf Sistem Saliran di Daerah Seberang Perai Selatan	194,350,000.00
JUMLAH (RM)		7,557,455,664.58

SENARAI PROJEK TEBATAN BANJIR DI PULAU PINANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS
1	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya	10,051,861.54	Siap pada 10 Disember 2021
2	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Taman Siakap, Daerah Seberang Perai Tengah	20,000,000.00	Dalam peringkat pembinaan
			Tarikh mula: 21 Ogos 2023 Tarikh siap: 20 Ogos 2025
3	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Pinang, Daerah Timur Laut	150,000,000.00	Dalam peringkat pembinaan
			Tarikh mula: 21 September 2023 Tarikh siap: 20 September 2027
4	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pondok Upeh / Sungai Burong, Daerah Barat Daya	10,000,000.00	Dalam peringkat pembinaan
			Tarikh mula: 15 April 2024 Tarikh siap: 14 April 2026
5	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan	231,000,000.00	Dalam peringkat pembinaan
			Tarikh mula: 8 Februari 2024 Tarikh siap: 7 Februari 2028
6	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Bahang, Daerah Barat Daya	8,000,000.00	Pelaksanaan kerja fizikal dibatalkan kerana peruntukan sedia ada tidak dapat mencapai <i>outcome</i> projek. JPSP akan membuat permohonan baharu melalui RMKe-13.

7	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan	16,500,000.00	Dalam peringkat perolehan
			Tarikh iklan: 26 April 2024 Tarikh lawatan tapak: 13 Mei 2024 Tarikh tutup tender: 10 Jun 2024
8	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Dua Besar, Daerah Timur Laut	45,000,000.00	Di peringkat draf Laporan Reka Bentuk Terperinci
9	Kajian Keberkesanan Penyelesaian Banjir Jangka Panjang Di Negeri Pulau Pinang Termasuk Daerah Kulim Dan Bandar Bharu Di Negeri Kedah	10,000,000.00	Di peringkat draf Laporan Akhir
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		500,551,861.54	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

24. Apakah pelan tindakan kerajaan dalam memastikan bekalan asas makanan di Pulau Pinang sentiasa memenuhi keperluan rakyat?
- (a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan bagi memusatkan penternak unggas dan ruminan di bawah perbadanan atau GLC Negeri?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menubuhkan Perbadanan atau GLC bagi mempergiatkan industri akuakultur di Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Pelan tindakan kerajaan dalam memastikan bekalan asas makanan di Pulau Pinang sentiasa memenuhi keperluan rakyat adalah seperti berikut:
- (i) Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) bagi tempoh 2021 sehingga 2025 telah menggariskan inisiatif bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli melalui pelbagai program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (*self sufficiency level*) yang disasarkan. Antara perancangan jangka panjang yang akan diberi tumpuan adalah seperti berikut:
 - (a) Usaha meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;

- (b) Meningkatkan akses kepada makanan;
 - (c) Menstabilkan harga makanan; dan
 - (d) Menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.
- (ii) Pada tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri (DOA) telah menerima peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM6.19 juta manakala pada tahun 2024, peruntukan sebanyak RM6.59 juta telah diberi bagi 14 projek dan program pembangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Insentif yang disalurkan melalui program dan projek pembangunan ini dapat membantu para petani, usahawan IAT dan para belia tani dalam meningkatkan produktiviti hasil pertanian masing-masing dan seterusnya mengukuhkan lagi rantai bekalan makanan agar lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi pelbagai situasi luar jangka.
- (iii) Kemudian, DOA juga berusaha memastikan tiga (3) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield, TKPM Juru dan Taman AgroPertanian DOA-PERDA Ara Kuda terus beroperasi bagi memastikan pengeluaran sayur-sayuran dapat memenuhi keperluan penduduk di Negeri Pulau Pinang.
- (iv) DOA juga mewujudkan Pembangunan Pertanian Komuniti atau turut dikenali sebagai program pertanian bandar dan *Farmer to Farmer* yang merupakan program untuk membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan di bawah bimbingan DOA. Program ini melibatkan penduduk, sekolah, institusi dan usahawan pertanian bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai Jabatan dan Agensi yang berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan.
- (v) Melalui sektor akuakultur, pelbagai bantuan dan galakan diberikan seperti bantuan input makanan, bantuan peralatan dan juga peningkatan infrastruktur untuk menggalakkan pertumbuhan pengeluaran akuakultur. Pada tahun 2023, sebanyak 60,562 tan metrik pengeluaran akuakultur telah direkodkan dengan peningkatan yang membanggakan. Pada tahun 2024, perancangan untuk memohon peruntukan di

bawah KPKM akan diteruskan dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri untuk meluaskan lagi sektor akuakultur ini ke Barat Daya Pulau Aman serta bahagian Selatan dan Utara Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi sedang berusaha untuk mewartakan 6 kawasan ternakan ikan sangkar marin di bawah Zon Industri Akuakultur (ZIA). Melalui usaha ini, kawasan-kawasan sangkar akan dapat dilindungi daripada aktiviti pembangunan sekali gus dapat memastikan pengeluaran sumber makanan berasaskan perikanan sentiasa terjamin.

- (vi) Aktiviti pelepasan benih ke perairan umum turut dilaksanakan secara berterusan bagi tujuan menambah stok ikan. Pada tahun 2023, aktiviti pelepasan ikan telah diadakan sebanyak tiga (3) kali dengan suntikan peruntukan sebanyak RM20,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, antara usaha-usaha lain adalah pelabuhan tukun serta penambahan *Fish Aggregating Device* (FAD) atau unjam yang akan memberi hasil dalam masa 3 hingga 4 tahun.
- (vii) Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) sentiasa melaksanakan pelan tindakan yang bersesuaian bagi memastikan bekalan asas makanan sentiasa memenuhi keperluan rakyat. Aktiviti pengawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit ternakan di semua peringkat rantai pengeluaran makanan bermula dari peringkat ladang, rumah penyembelihan terutamanya ruminan dan babi, serta loji pemprosesan makanan bagi memastikan daging dan produk hasilan ternakan adalah bebas daripada penyakit, suci, bersih dan selamat untuk dimakan oleh pengguna.
- (viii) Di samping itu, bagi mengekalkan status kesihatan ternakan berada di tahap yang baik, JPVPP menjalankan program pemvaksinan ternakan dan juga menjalankan rawatan terhadap ternakan yang dijangkiti penyakit. Bagi pemindahan ternakan dari ladang penternak ke ladang penternak yang lain bagi tujuan pembiakan dan pemeliharaan atau ke rumah penyembelihan ataupun bagi tujuan perayaan/adat hendaklah mendapatkan Akuan Kebenaran Pindah (AKP) dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) daripada JPVPP. Perkara ini adalah penting bagi memastikan hanya ternakan yang sihat sahaja boleh dipindahkan, mencegah penularan penyakit ternakan

yang berjangkit dan zoonotik serta menjamin kesihatan awam. JPVPP juga akan membuat pemantauan terhadap aktiviti pemindahan ternakan ini dan sekiranya terdapat penternak yang tidak mendapatkan AKP dan SKV daripada JPVPP, penternak tersebut boleh dikenakan kompaun atau denda di bawah perundangan JPVPP.

- (ix) Selaras dengan penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Binatang Kawalan Penyembelihan 2019, semua penyembelihan hendaklah dilakukan di rumah penyembelihan (ruminan dan babi) yang diluluskan atau dilesenkan bagi mengawal dan mengesan penyakit sebelum daging tersebut dipasarkan kepada pengguna. Selain itu, JPVPP juga menjalankan aktiviti persampelan makanan di loji pemprosesan makanan bagi memastikan makanan tersebut tidak tercemar dan selamat untuk dimakan.
- (x) Projek Pusat Ternakan Ruminan Bersepadu Pulau Pinang serta Pusat Pengeluaran Makanan Ruminan Pulau Pinang (PRUF) akan dijalankan secara serentak bagi meningkatkan produktiviti daging tempatan. Kerajaan Negeri sedang bekerja secara rapat bersama JPVPP, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjayakan dua projek berskala besar ini. Projek ini dijangka akan memberi impak dan manfaat yang besar kepada lebih 200 penternak lembu dan kambing dari seluruh Pulau Pinang. Hal ini secara tidak langsung membantu mencukupkan bekalan makanan bagi rakyat Pulau Pinang.

(a) dan (b) dijawab bersekali:

Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Agroteknologi & Keterjaminan Makanan sedang memperhalusi kertas cadangan bagi menubuhkan syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC) sebelum diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri. Cadangan peranan dan fungsi GLC ini adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan;

- (ii) Menyelaraskan program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri;
- (iii) Mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan agro kepada masyarakat setempat dan pelancong luar dari seluruh negara dan dunia;
- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan pihak kerajaan/swasta dalam meningkatkan produktiviti pertanian, perikanan dan penternakan di Negeri Pulau Pinang;
- (v) Menjalankan kajian dengan institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi serta pihak swasta dari dalam dan luar negara serta menandatangani memorandum persefahaman untuk memperkasakan agenda keterjaminan makanan negeri;
- (vi) Menyelaras dan menggerakkan Dasar Keterjaminan Makanan Negeri Pulau Pinang yang akan digubal;
- (vii) Menyelaras dan berperanan dalam pembangunan koperasi terutama koperasi belia dan wanita dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan;
- (viii) Menjalinkan kerjasama dan kolaborasi dengan perusahaan kecil dan sederhana (*small and medium enterprises, (SME)*) bagi tujuan rangsangan tindakan pemulihan ekonomi; dan
- (ix) Menjalankan program dan aktiviti alternatif berkaitan pertanian berskala kecil dengan pulangan hasil yang besar dengan penggunaan ruang atau kawasan yang minimum.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

25. Berapakah peratus warga emas Pulau Pinang yang diklasifikasikan dalam kategori Mild Cognitive Impairment (MCI)?
- (a) Apakah langkah yang diambil untuk menolong pesakit golongan ini?
 - (b) Adakah kerajaan mempunyai perancangan membuka Institut Penyelidikan Penuaan (Research Institute on Ageing)?
 - (c) Nyatakan tempat pemulihan dan penjagaan khas untuk pesakit MCI terdapat di negeri.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Tiada kajian mengenai prevalens *Mild Cognitive Impairment* (MCI) secara khusus pernah dilakukan di Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan kajian longitudinal selama 4 tahun, melibatkan sampel saiz seramai 1,993 orang di kalangan individu berumur 60 tahun ke atas di Perak, Kelantan, Selangor dan Johor mendapati prevalens MCI dilaporkan setinggi 16%.
- (a) Antara langkah yang diambil untuk membantu golongan ini adalah menyediakan fasiliti dan perkhidmatan seperti berikut:
 - (i) Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- Klinik Pesakit Luar Geriatrik di Hospital Seberang Jaya, Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap;
- Klinik Pesakit Luar Neurologi di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya;
- Klinik Pesakit Luar Psikiatri Geriatrik di Hospital Pulau Pinang yang memberi perkhidmatan diagnosis, rawatan dan kaunseling kepada pesakit dan penjaga pesakit yang menghadapi masalah kognitif.

(ii) Pertubuhan Bukan Kerajaan

Terdapat beberapa perkhidmatan dan pertubuhan bukan kerajaan di Pulau Pinang yang menyediakan sokongan untuk individu yang mengalami MCI seperti berikut:

- Persatuan Demensia Pulau Pinang menganjurkan aktiviti seperti Memory Café dan Alzheimer's Caregivers' Support Group untuk menyokong individu yang mengalami kehilangan ingatan dan penjaga mereka. *The Memory Café* menawarkan perhimpunan sosial yang selesa dengan aktiviti merangsang seperti seni dan kraf, lukisan dan *baking* yang ringkas.
- Persatuan Minda D'Home membantu individu yang mempunyai masalah kesihatan mental, termasuk penjagaan demensia, dengan kerjasama persatuan lain. Mereka juga menyediakan perkhidmatan kaunseling, psikoterapi, dan kesihatan mental.

(iii) Pusat Perubatan Swasta

- Pusat Pakar Bagan (*Bagan Specialists Centre*) di Butterworth, Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan penjagaan warga emas. Hospital ini menawarkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang memenuhi keperluan warga emas, termasuk Jabatan Kemalangan &

Kecemasan 24 jam, perkhidmatan pengimejan diagnostik, pusat fisioterapi dan pemulihan, dan klinik pesakit luar pakar. Selain itu, Hospital Pakar Bagan melibatkan diri dengan komuniti penuaan melalui inisiatif seperti "*Just Older Youth Club*" (*Joyclub*) yang menawarkan aktiviti, bengkel dan sistem sokongan untuk warga tua, memfokuskan pada penuaan yang aktif dan kesedaran demensia.

- (b) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (*MyAgeing*) yang berpusat di Universiti Putra Malaysia, Serdang memberi tumpuan kepada penyelidikan berkaitan penuaan dan gerontologi. Institut ini terlibat secara aktif dalam penyelidikan penuaan, amalan dan inisiatif untuk menangani cabaran serta peluang yang berkaitan dengan penduduk yang semakin tua di Malaysia. MyAgeing™ bekerjasama dengan pelbagai universiti dan kumpulan penyelidikan untuk memajukan pengetahuan dan amalan dalam penuaan yang sihat, kesejahteraan dan teknologi untuk warga tua.
- (c) Negeri Pulau Pinang mempunyai pusat jagaan harian di Pulau Pinang yang memenuhi keperluan individu yang mengalami masalah kognitif seperti berikut:
- Penang Care, sebuah pertubuhan bukan kerajaan, mengendalikan pusat jagaan harian sejak 2004 untuk menyediakan persekitaran yang santai untuk warga emas dan menawarkan kaunseling bagi mereka yang mempunyai masalah kesihatan emosi dan mental.
 - Persatuan Demensia Pulau Pinang menganjurkan aktiviti seperti Kafe Memori dan Kumpulan Sokongan Penjaga Alzheimer untuk menyokong individu yang mengalami kehilangan ingatan dan penjaga mereka.[2] Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan interaksi sosial, sokongan dan penglibatan untuk individu yang mengalami masalah kognitif di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

26. Sejauh manakah keterbukaan Kerajaan Negeri bagi penerimaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)?
- (a) Apakah syarat utama yang ditetapkan oleh kerajaan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007?
 - (b) Apakah implikasi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di Negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut dijangka mengambil masa selama enam (6) bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan.
- (a) Dalam kajian yang sedang dijalankan, Kerajaan Negeri dan PBT sedang meneliti syarat-syarat yang perlu dimasukkan semasa rundingan bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbandanan Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Perkara ini juga perlu mendapat persetujuan dan kelulusan MMK.

- (b) Implikasi penerimaan Akta 672 di Negeri Pulau Pinang sedang diperincikan dalam kajian yang sedang dijalankan sebelum dibentangkan kepada MMK kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

27. Apakah peratusan naik taraf 5G yang telah dicapai atau dilaksanakan di Pulau Pinang sehingga kini?
- (a) Senaraikan peratusan liputan 5G yang telah dilaksanakan mengikut daerah.
 - (b) Apakah inisiatif pintar bersepadu yang telah dan akan dilaksanakan di Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Sehingga bulan April 2024, kadar peratusan liputan 5G di kawasan berpenduduk di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 90.8%.
- (a) Peratusan liputan 5G yang telah dilaksanakan mengikut daerah di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Daerah	Peratusan 5G (%)
Barat Daya	85.00
Timur Laut	93.49
Seberang Perai Utara	92.28
Seberang Perai Selatan	93.33
Seberang Perai Tengah	90.23

- (b) Dalam mencapai hasrat untuk menjadi sebuah negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa selaras dengan Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri telah melancarkan Dokumen Agenda Negeri

Pintar Pulau Pinang pada 8 Disember 2021 yang lalu. Penerbitan dokumen ini merupakan suatu dokumen yang amat penting bagi merekodkan perjalanan negeri Pulau Pinang ke arah menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa dan untuk dijadikan rujukan semua pihak terutamanya bagi merealisasikan 4Ps (*Private, People, Public, Partnership*) dalam era Revolusi Industri 4.0 dapat tercapai. Setakat ini, sebanyak 68 inisiatif pintar telah dilaksanakan, 32 inisiatif sedang dilaksanakan dan 20 inisiatif akan dilaksanakan, menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif pintar di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 120 inisiatif pintar. Senarai projek/program inisiatif pintar yang telah, sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK/PROGRAM INISIATIF PINTAR YANG TELAH DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
1.	Sistem Pemantauan Pintar	Meningkatkan mutu perkhidmatan MBSP dengan menyediakan platform kepada pemaju untuk memasukkan maklumat berkenaan pelaksanaan syarat-syarat pembangunan ke dalam sistem bagi memudahkan pegawai melaksanakan pemantauan.
2.	<i>Real-time Telemetry System</i>	Mengurangkan risiko kepada orang awam dengan memberikan amaran awal melalui laman web INFOBANJIR.
3.	Sistem Amaran Paras Air Kawasan (SPARK)	Keseluruhan 12 unit ultrasonik sensor telah dipasang di setiap parit monsun berdekatan rumah pam untuk mengenal pasti paras air semasa.
4.	CCTV di Seberang perai	Membantu pihak penguatkuasaan MBSP dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan berdasarkan kes-kes berkaitan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.
5.	<i>Penang GeoHub</i>	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan kerajaan melalui sistem perkongsian maklumat geospasial yang menyeluruh.
6.	<i>Intelligent Operation Centre (IOC)</i>	Meningkatkan kualiti hidup rakyat Negeri Pulau Pinang dalam aspek keselamatan awam apabila kawasan berisiko sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa.
7.	<i>Fibre to the Home</i>	Penghuni dapat memilih penyedia perkhidmatan bagi sistem telefon dan internet berdasarkan bajet dan keperluan mereka sendiri.
8.	Perkhidmatan Telekomunikasi Tanpa Wayar " <i>Terragraph</i> "	Meningkatkan mutu dan kualiti hidup rakyat terutamanya penduduk George Town kerana dapat menikmati kemudahan internet percuma berjalur lebar tinggi.
9.	<i>Crush Aedes Totally (CAT)</i>	Membekalkan maklumat ramalan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri supaya langkah-langkah pencegahan denggi dapat dilaksanakan lebih awal.
10.	Analitis Data Raya: Pemilikan Rumah Mampu Milik	Memberi peluang kepada penduduk negeri Pulau Pinang yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri untuk didiami bersama keluarga.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
11.	Sistem e-Janji Temu	Memudahkan pelanggan menempah slot janji temu mengikut urusan secara dalam talian.
12.	Sistem i-Sejahtera	Membudayakan norma baharu bagi urusan permohonan melalui penggunaan teknologi digital.
13.	Sistem e-Kemusykilan	Memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendapatkan jawapan bagi kemusykilan agama dan pandangan hukum tanpa perlu hadir ke kaunter.
14.	Sistem e-Fatwa	Mendidik rakyat untuk membudayakan teknologi digital dalam membuat carian dan mendapatkan maklumat berkaitan keputusan fatwa serta nasihat hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang secara dalam talian.
15.	Sistem ePerolehan Pulau Pinang (SysP)	Membolehkan pembelian dokumen sebut harga atau tender secara dalam talian.
16.	Sistem e-INTEGRITI	Saluran aduan yang terbuka untuk menerima maklumat/aduan berkaitan isu-isu integriti termasuklah perlakuan jenayah rasuah.
17.	Sistem e-Rayuan	Membolehkan orang awam mengakses sistem rayuan 24 jam sehari, penyediaan sistem carian yang membolehkan carian kes-kes terkini dan kes lama dibuat dan pembayaran secara dalam talian.
18.	Aplikasi PDC2U	Membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan atau aduan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PDC.
19.	SMARTPLAN	Meningkatkan sistem penyampaian jabatan untuk rakyat dengan perkhidmatan Aplikasi <i>Map Services SMARTPLAN</i> .
20.	Sistem Pemantauan Rancangan Struktur / <i>Electronic Monitoring Structure Plan (eMOSPlan)</i>	Membangunkan sistem pemantauan yang boleh mengukur pencapaian pelaksanaan dasar-dasar dan langkah yang telah dinyatakan di dalam RSNPP2030.
21.	<i>Aspire</i> Seberang Perai	Membantu warga Seberang Perai memperoleh info terkini mengenai Seberang Perai, menerima pemakluman tentang bil yang perlu dibayar dan membuat bayaran menggunakan gerbang pembayaran alternatif yang lebih efisien dan mudah.
22.	Inisiatif Tanpa Tunai di Pasar Awam (POC)	Menyediakan satu platform pembayaran yang mudah, cepat dan selamat kepada orang awam.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
23.	Penang i4.0 Seed Fund	Memberi peluang kepada para <i>start-up</i> teknologi tahap awal yang berpotensi tinggi untuk menceburi bidang teknologi inovatif.
24.	Trash2Treasure	Meningkatkan kecekapan kitar semula dan proses pembelian semula bahan kitar semula.
25.	<i>Penang International Green Conference and Exhibition 2019</i>	Menyediakan platform perbincangan dan perkongsian idea inovatif mengenai pelaksanaan Bandar Hijau di Negeri Pulau Pinang.
26.	SMARTROW	Mengurangkan penggunaan tenaga dengan teknologi baharu yang melibatkan pemantauan dan pengurangan jejak karbon.
27.	Semburan baja dan racun menggunakan dron	Menampung kekurangan tenaga kerja manusia di samping penjimatan masa melalui penggunaan teknologi.
28.	<i>Link Bike</i>	Menggalakkan pelancong menaiki basikal untuk mengurangkan jejak karbon terutamanya di kawasan George Town.
29.	<i>Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs)</i>	Penduduk negeri Pulau Pinang dapat merancang waktu perjalanan tanpa perlu menghabiskan waktu menunggu di perhentian bas.
30.	<i>Smart Bus Stop (POC)</i>	Untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang serta menambah baik ciri-ciri perhentian sedia ada dengan teknologi baharu yang baik untuk warga Pulau Pinang.
31.	Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL)	Melahirkan generasi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang yang celik IT dan peka terhadap perkembangan teknologi semasa.
32.	<i>Penang Free WiFi</i>	Menyediakan akses jalur lebar yang mudah untuk penduduk Pulau Pinang serta para pelawat di kawasan khas internet tanpa wayar yang terdapat di bahagian Pulau dan Seberang Perai.
33.	Perpustakaan Digital Batu Maung	Melahirkan generasi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang yang celik IT dan peka terhadap perkembangan teknologi semasa.
34.	<i>Smart Pole</i> di PDL	Menjimatkan penggunaan kos tenaga elektrik dan mampu mewujudkan persekitaran yang mesra alam.
35.	Perpustakaan Digital Butterworth	Meningkatkan pengalaman pendidikan yang setanding dengan perkembangan teknologi hari ini dan melalui penggunaan e-Book.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
36.	<i>Hackfest MPSP 2018</i>	Membolehkan orang awam memberi pandangan atau idea yang kreatif yang dapat membantu MBSP dalam memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai.
37.	24 Jam Hackathon Data Terbuka Pulau Pinang 2018	Menggalakkan penglibatan komuniti dalam membangunkan produk inovasi yang menggunakan data terbuka Malaysia dan Pulau Pinang.
38.	<i>Young Innovators Makerthon 2019</i>	Menyediakan platform untuk memupuk minat pelajar untuk mempelajari mengenai teknologi terkini dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran hidup.
39.	<i>De Tech Conference 2019</i>	Melahirkan komuniti yang berbakat dan berinovasi serta dapat menyesuaikan diri dalam penggunaan sistem <i>Artificial Intelligence (AI)</i> , <i>Cyber Security</i> , <i>Big Data</i> , <i>Smart City</i> , <i>Smart Retail</i> dan <i>Augmented Reality (AR)</i> .
40.	<i>Makerspace @ Balik Pulau</i>	Pelajar dapat menerokai dan mempelajari mengenai alat berteknologi tinggi seterusnya memupuk minat terhadap bidang sains dan teknologi.
41.	<i>Penang School Maker Fair 2019</i>	Menyediakan platform bagi pelajar untuk berkongsi idea kreatif dan luar biasa dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, dan Matematik (STEAM).
42.	<i>SteamX</i>	Membolehkan para pelajar Malaysia memahami pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, dan Matematik (STEAM) dan merasai teknologi dalam persekitaran global.
43.	<i>Penang International Science Fair</i>	Menyediakan platform untuk memupuk minat dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, dan Matematik (STEAM) dan mewujudkan pemikiran yang inovatif di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah melalui aktiviti <i>hands-on</i> yang unik.
44.	<i>Maker Lab for Schools</i>	Menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, dan Matematik (STEAM) menggunakan teknologi terkini.
45.	<i>Coding for All</i>	Mempersiapkan pelajar sebelum menghadapi alam pekerjaan dan memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang teknologi.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
46.	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSSDC)	Melahirkan pekerja industri yang berkemahiran dan berbakat dalam bidang seperti reka bentuk, pembangunan dan pembuatan.
47.	<i>PGCare</i>	Memudahkan cara pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh premis perniagaan.
48.	Penang Saring COVID-19 (PSC19)	Mengenal pasti dan mengasingkan individu yang dijangkiti virus COVID-19 dan mengawal perebakan virus.
49.	MBSP Free Wifi (POC)	Memudahkan pembayaran tanpa tunai di pasar awam dan kompleks makanan milik MBSP.
50.	Aplikasi MyKampung Pulau Pinang	Membangunkan dan mengemas kini maklumat kampung mengikut kategori serta mencerap data asas bagi setiap kampung.
51.	<i>Smart City of Penang (SCoPe)</i>	Untuk membantu dan memudahkan kerja harian MBSP dalam menangani masalah penjaja haram, kebersihan, lalu lintas, anjing liar dan keselamatan selain untuk menambahkan bilangan CCTV sedia ada.
52.	Pembayaran melalui <i>eWallet Boost</i>	Program kerjasama antara MBSP dan Syarikat Axiata Digital eCode Sdn. Bhd. dalam melaksanakan inisiatif pembayaran tanpa tunai (<i>cashless</i>).
53.	Sistem Perakaunan dan Kewangan Bersepadu	Sistem yang dibangunkan berdasarkan keperluan MBSP serta mematuhi <i>Malaysian Accounting Standards Boards (MASB)</i> .
54.	<i>Cyber Counter</i> MBSP	Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat. Perkhidmatan secara dalam talian yang mana memudahkan urusan dilaksanakan tanpa perlu hadir sendiri ke kaunter berpusat MBSP.
55.	<i>MyMBSP App</i>	Aplikasi <i>MyMBSP</i> adalah inisiatif MBSP untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam berkaitan MBSP dengan lebih pantas melalui telefon pintar. Orang awam juga boleh membuat aduan dan memantau aduan mereka melalui aplikasi <i>MyMBSP</i> .
56.	<i>MBSPQR Bill</i>	Fungsi imbas dan bayar yang diwujudkan pada bil cukai taksiran MBSP melalui imbasan <i>QR Code</i> bagi tujuan semakan dan pembayaran cukai taksiran MBSP secara dalam talian.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
57.	<i>MBSP Cyber Bill</i>	Fungsi SMS diwujudkan bagi tujuan penghantaran bil secara digital seterusnya pembayar cukai boleh menyemak dan membuat pembayaran secara dalam talian.
58.	<i>MBSPPay</i>	Menggalakkan penggunaan pembayaran secara dalam talian. Sistem <i>MBSPPay</i> menggunakan konsep <i>cart</i> bagi membolehkan pelbagai transaksi pembayaran dibuat secara serentak.
59.	<i>Waste Management</i>	Memantau penggunaan kenderaan oleh pemandu dan kerja-kerja yang dijalankan.
60.	Pemasangan Lampu Solar LED Pintar	Pemasangan lampu jalan berkuasa solar dengan sistem IOT di mana lampu ini memenuhi spesifikasi teknologi hijau yang mempunyai tahap kecerahan yang tinggi serta bertahan lama. Malah, produk ini dilengkapi dengan sistem pemantauan berpusat dan mampu beroperasi sepenuhnya secara "offgrid" tanpa memerlukan punca tenaga kuasa elektrik dari sumber TNB dan bebas pendawaian.
61.	<i>SPEEDBiz</i>	Memudahkan orang awam untuk menguruskan lesen perniagaan secara dalam talian.
62.	<i>Smart Solar System</i>	Menjana sumber tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui.
63.	<i>Smart Traffic Light</i>	Mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat dan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan pantas.
64.	<i>Smart Economy: Inisiatif Tanpa Tunai - Smart Kiosk dan Smart Counter</i>	Penyediaan saluran bayaran perkhidmatan MBPP secara digital bagi mengurangkan kebergantungan pada kaunter, penjarakan fizikal dan sentuhan. Memudahkan orang awam berurusan dengan MBPP secara pantas dan kemas kini bayaran dengan segera ke <i>backend system</i> MBPP.
65.	Pemasangan Papan <i>Plaque 'QR Code'</i> bagi Arca-arca dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town	Projek Pemasangan Papan <i>Plaque 'QR Code'</i> bagi Arca-arca dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town (<i>Marking George Town</i>) telah dilaksanakan pada tahun 2021 bertujuan untuk mewujudkan

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
	(<i>Marking George Town</i>)	saluran informasi kepada pengunjung menggunakan teknologi paparan dan imbasan 'QR Code' bagi mendapatkan maklumat berkenaan sejarah/info-info berkaitan di sebalik arca tersebut.
66.	<i>Smart CCTV</i>	<p>a) CCTV di lokasi <i>hotspot</i>. Tujuan pemasangan CCTV adalah untuk mengurangkan kes jenayah, pemantauan trafik, pengumuman kecemasan, kawalan lalulintas, longgokan sampah haram, pemantauan bencana banjir dan kerja tanah di kawasan bukit.</p> <p>b) CCTV jenis mudah alih. CCTV jenis mudah alih ini senang ditanggal dan dipasang semula, maka ia digunakan untuk pemantauan sementara di lokasi-lokasi yang diperlukan. Sistem CCTV ini menggunakan panel solar sebagai punca bekalan elektrik, maka tidak perlu memohon bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad.</p>
67.	<i>Smart Alat Pengesan Paras Air (10 lokasi)</i>	Digunakan untuk mengesan paras air semasa hujan lebat dan menghantar notifikasi apabila banjir kilat berlaku di 10 lokasi.
68.	<i>Green Connectivity (Laluan Basikal)</i>	<p>Jarak Laluan (2020:195 km)</p> <p>Bilangan Penumpang Basikal (2020: 25,073)</p>

**SENARAI PROJEK/PROGRAM INISIATIF PINTAR YANG SEDANG
DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG**

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
1.	<i>Gigabit City: Clip-on Solution</i>	Meningkatkan kualiti dan ketersediaan infrastruktur internet jalur lebar tetap dalam jangka masa yang singkat
2.	<i>Smart Pole (POC)</i>	Mengoptimalkan penggunaan tenaga dengan kecekapan yang tinggi melalui pencahayaan pintar.
3.	Projek Fiberisasi Kuarters dan Kediaman Rasmi Pegawai Kanan dan Kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Membekalkan kemudahan internet jalur lebar tetap dengan berkelajuan tinggi di 25 buah unit banglo di yang menempatkan pegawai-pegawai atasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Jalan Masjid Negeri
4.	<i>Smart Bus Stop (RFP)</i>	Menggalakkan rakyat negeri Pulau Pinang menggunakan perkhidmatan bas kerana segala kemudahan telah disediakan.
5.	Projek Infrastruktur Telekomunikasi Integrasi Berkonsepkan <i>Street Furniture</i>	Menyeragamkan penggunaan <i>street furniture</i> sebagai pemancar telekomunikasi.
6.	<i>Smart Street Pole</i>	Mengoptimalkan penggunaan tenaga dengan kecekapan yang tinggi melalui pencahayaan pintar.
7.	<i>Penang Island Map (PiMap)</i>	Menyediakan platform untuk jabatan mengoptimumkan data GIS supaya data-data ini dapat dikongsi kepada orang awam
8.	<i>MBSP Call Centre</i>	Meningkatkan kecekapan pengurusan aduan MBSP selari dengan visi dan misi MBSP ke arah Bandar Pintar
9.	<i>Smart Monitoring System</i>	Meningkatkan perkhidmatan MBSP kepada penduduk Seberang Perai untuk menyalurkan maklumat atau aduan hanya di hujung jari.
10.	Inisiatif Tanpa Tunai di Jabatan/Agensi Kerajaan	Menyediakan satu platform pembayaran yang mudah, cepat dan selamat kepada orang awam.
11.	Inisiatif Tanpa Tunai di seluruh Pasar Awam	Memberi kemudahan kepada orang awam dalam melakukan transaksi pembelian.
12.	Grab Pasar di Pasar Awam	Memberi perkhidmatan kepada orang awam dengan pelbagai makanan tempatan yang lebih berpatutan.
13.	<i>Smart MBPP</i>	Menggalakkan pengguna membuat bayaran secara atas talian.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
14.	<i>Mesh Network with Glowpan via Street Light</i>	Menyediakan pencahayaan pintar dengan lebih cekap menggunakan teknologi <i>Internet of Things</i> (IoT) melalui interaksi sistem telekomunikasi.
15.	Aplikasi Mudah Alih LPNPP	Menyediakan kemudahan permohonan rumah sewa Kerajaan Negeri, projek perumahan rakyat dan rumah mampu milik melalui penggunaan teknologi digital yang lebih efisien.
16.	<i>Smart Traffic Analytics and Recognition System (STARS)</i>	Mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat dan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan pantas.
17.	Analitis Data Raya: Pengurusan Bencana Banjir	Menyalurkan maklumat banjir kepada anggota Jabatan/Agensi terlibat.
18.	Bukit Mertajam Digital	Memantau masalah-masalah yang dihadapi di Bandar Bukit Mertajam secara lebih efisien.
19.	Digital@Seberang Perai	Memberi pendedahan kepada komuniti berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian yang disediakan oleh MBSP dan agensi Kerajaan.
20.	MBSP <i>livechat</i>	Sistem bantuan pelanggan secara interaktif bagi menyelesaikan isu berkaitan perkhidmatan MBSP
21.	Sistem <i>I-Collect</i>	Sistem pembayaran dan pengutipan sisa buangan secara dalam talian dengan penggunaan <i>QRCode</i> .
22.	<i>Robust and Green Data Center</i>	Mengurangkan penggunaan tenaga, penjimatan kos jangka panjang dan mendapatkan fasiliti ICT tanpa gangguan.
23.	<i>Pearl - One Touch Penang</i>	Gerbang tunggal pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan MBPP melalui kolaborasi platform <i>e-Wallet</i> .
		<p>Fasa 1: (2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> • PiMAP data. • Pembelian <i>Hardware</i> • <i>Datacenter</i> (PDSA Kulim) <p>Fasa 2: (2024-2025)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian <i>Hardware</i> <ul style="list-style-type: none"> ➢ <i>Weather Station Installation</i> (26 Unit) ➢ <i>Drone</i> (2 Unit) ➢ <i>Ipad</i> (20 Unit)
24.	<i>Smart Island Digital Twin</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Module Development <ul style="list-style-type: none"> ➢ <i>Heritage Risk Dashboard</i> ➢ <i>Flood Damage Assessment</i>

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
		<ul style="list-style-type: none"> ➤ <i>Road Capacity Analytics</i> ➤ <i>Flood Forecasting and Warning System</i> ➤ <i>Tax Collection Dashboard</i> ➤ <i>Geo-Notice Dashboard</i> ➤ <i>Licensing Dashboard</i> ➤ <i>Penang TreemInventory System (PETIS)</i> ➤ <i>Development e-Submission System</i> ➤ <i>3D CityMap</i>
25.	Seberang Perai <i>Geoportal</i> (SPGIS)	Sistem web geografi yang membekalkan maklumat (GIS) berkomputer yang akan memaparkan maklumat berpeta di mana setiap lapisan data ruang dapat dipaparkan dan pengguna boleh mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan cepat.
26.	Aplikasi Digital MYKADUN	MyKADUN yang berkonsepkan " <i>Digital Integrated Service Centre</i> " dan " <i>No Wrong Door Policy</i> " membolehkan aplikasi ini berfungsi sebagai perantara ke saluran aduan Pihak Berkuasa Tempatan (e-aduan) yang membolehkan rakyat mendaftarkan sebarang aduan dan membuat semakan status aduan tersebut.
27.	MBSP <i>Makerspace</i>	Untuk melatih pelajar mempraktikkan kemahiran insaniah yang diperlukan untuk berjaya di masa hadapan, seperti kreativiti, kolaborasi, komunikasi dan pemikiran kritis.
28.	INFLOS	Sistem ini bertujuan untuk memantau paras air dan rumah pam di bawah pengendalian MBSP.
29.	Tempat Letak Kereta Pintar Pulau Pinang (PSP)	Projek PSP telah dibangunkan oleh Syarikat Heitech Padu Berhad dan fasa pertama telah dilancarkan secara projek perintis melibatkan 36,000 TLK di seluruh Negeri Pulau Pinang. (MBPP: 12,000 TLK, MBSP: 24,000 TLK).
30.	Seberang Perai <i>GIS Map</i>	Sistem ini dibangunkan bagi menyediakan platform berdasarkan platform (ESRI) bagi mengoptimumkan data GIS supaya data-data ini dapat dikongsi bersama jabatan dalam membuat carian maklumat, informasi dan perancangan MBSP.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
31.	MBSP <i>Databank</i>	Sistem <i>Databank</i> berpusat MBSP bagi tujuan pemantauan dan maklumat secara grafik bagi memudahkan pengenalpastian isu-isu MBSP.
32.	MBSP <i>Chat Bot Aspire</i>	Sistem interaksi <i>chatting</i> secara automatik bagi mendapatkan maklumat dan pembayaran seperti cukai taksiran, kompaun, sewaan dan perlesenan dengan tepat dan cepat.

**SENARAI PROJEK/PROGRAM INISIATIF PINTAR YANG AKAN
DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG**

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
1.	Analitis Data Raya: Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur Perniagaan Asas Desa	Meningkatkan tahap kemudahan infrastruktur perniagaan desa.
2.	Analitis Data Raya: Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Pulau Pinang Berkemajuan Rendah	Meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah dan menurunkan kadar kemiskinan.
3.	<i>Smart Building (POC)</i>	Menjadikan bangunan Kerajaan sebagai sebuah bangunan pintar yang dilengkapi dengan ciri-ciri berteknologi tinggi.
4.	<i>Smart Solution for Disaster Management</i>	Menghubungkan dan menaik taraf semua sistem-sistem pengurusan bencana sedia ada di negeri Pulau Pinang.
5.	<i>Fibre Forward Penang</i>	Menambah baik jaringan fiber optik di negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan internet.
6.	<i>Remote Working Application (New Normal)</i>	Memudahkan pekerja di MBSP melakukan tugasan di rumah tanpa perlu hadir ke pejabat.
7.	Pemantauan CCTV melalui sistem Video Analitik	Melaksanakan kerja-kerja pemantauan berdasarkan kes berkaitan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.
8.	<i>Activity Monitoring and Tracking System</i>	Memaksimumkan kecekapan operasi dan pemantauan aktiviti, kenderaan dan pergerakan sumber manusia.
9.	<i>Penang Urban Observatory Platform (PUOP)</i>	Penyediaan portal khusus bagi pengurusan dan pembangunan inisiatif pintar Pulau Pinang.
10.	<i>Living Lab</i>	Membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya di masa hadapan.
11.	<i>Centre of Excellence (CoEX)</i>	Membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam norma baharu.
12.	<i>u-License</i>	Membolehkan orang awam memohon lesen dan membuat semakan perniagaan secara atas talian.
13.	Sistem eVETPg	Sistem ini boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan khususnya kepada penternak dan pengusaha dengan mengadaptasi proses digitalisasi dalam perkhidmatan kepada rakyat.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
14.	<i>Smart Meter</i>	Memantau tahap penggunaan tenaga elektrik secara harian.
15.	<i>Smart Home</i>	Mengetengahkan Konsep Perumahan <i>Smart Home</i> dan pelaksanaan secara mekanisme teknologi bagi menyokong pembangunan Negeri Pintar.
16.	Makmal Inovasi	Menyediakan makmal yang akan menjadi tempat ujian dan kolaborasi untuk syarikat permulaan (<i>startup</i>), komuniti pemaju dan penyedia untuk penyelesaian menggunakan <i>Internet of Things</i> (IoT).
17.	Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang	Meningkatkan pengalaman pendidikan yang setanding dengan teknologi hari ini dan menggalakkan penggunaan <i>e-Book</i> .
18.	<i>Augmented Reality</i> (AR) dan <i>Virtual Reality</i> (VR)	Memberi pendedahan kepada golongan pelajar mengenai penggunaan teknologi.
19.	<i>Face Recognition System</i> di Pejabat SUK	Sistem <i>punch-card</i> digantikan dengan sistem <i>face recognition</i> bagi tujuan keselamatan dan rekod yang lebih tepat.
20.	Program GeoMaya yang melibatkan Projek Pembangunan Aplikasi <i>Geospatial Augmented Reality</i> (GeoAR) dan Pembangunan data 3D asas negeri Pulau Pinang (Geo3D)	Memberikan kemudahan visualisasi data geospasial yang realistik secara <i>augmented reality</i> dan tiga dimensi (3D) kepada pengguna jabatan dan agensi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

28. Adakah kerajaan mempunyai perancangan tebatan banjir secara keseluruhan bagi Pulau Pinang?
- (a) Berapakah kos yang diperlukan bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir menyeluruh bagi Pulau Pinang? Senaraikan.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti projek tebatan banjir yang akan disyaratkan kepada pemaju untuk dilaksanakan sebagai syarat pembangunan baharu? Kemukakan senarai.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri mempunyai perancangan mitigasi banjir secara keseluruhan bagi Pulau Pinang iaitu Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran (mengikut daerah) yang akan dilaksanakan melalui peruntukan mengurus negeri, pembangunan negeri, caruman saliran negeri, peruntukan projek berimpak tinggi dan juga melalui peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek-projek tebatan banjir ini adalah berdasarkan kepada perancangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang tertakluk kepada ketersediaan peruntukan dari kelima-lima sumber tersebut.
- (a) Anggaran kos keseluruhan yang diperlukan bagi pelaksanaan rancangan tebatan banjir di seluruh Pulau Pinang adalah sebanyak RM7.5 bilion. Senarai projek adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

- (b) Semua projek seperti yang dirancang dalam Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP). JPSPP tidak mempunyai perancangan untuk mensyaratkan projek-projek tebatan banjir ini kepada pemaju pembangunan baharu.

**JADUAL 1: RANCANGAN PROJEK TEBATAN BANJIR DI SELURUH
PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH**

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM)
DAERAH TIMUR LAUT		
1	RTB Zon Sungai Pinang	326,480,578.91
2	RTB Zon S	21,811,063.87
3	RTB Zon Sungai Jelutong	97,693,923.22
4	RTB Zon N	75,239,735.84
5	RTB Zon Sungai Satu	145,282,854.16
6	RTB Zon Sungai Mas	8,868,241.38
7	RTB Zon Sungai Tokong Kecil	1,069,337.46
8	RTB Zon Sungai Teluk Nangka	3,335,859.18
9	RTB Zon Sungai Siru	2,057,535.38
10	RTB Zon Sungai Kecil	15,738,332.56
11	RTB Zon Sungai Kelian	55,297,426.47
12	RTB Zon Parit Tanjung Pinang	100,919,196.00
13	RTB Zon Sungai Bagan Jermal dan N20	22,936,837.43
14	RTB Zon Sungai Gelugor	85,261,359.18
15	RTB Zon Parit Batu Uban	4,554,951.51
16	RTB Zon Sungai Dua Besar	147,841,394.58
17	RTB Zon Sungai Relau	96,189,702.99
DAERAH BARAT DAYA		
1	RTB Sungai Pulau Betong	71,818,097.00
2	RTB Sungai Teluk Kumbar	47,955,927.50
3	RTB Sungai Bayan Lepas	34,701,355.00
4	RTB Sungai Dua	27,294,397.00
5	RTB Sungai Nibong Kecil	69,838,028.00
6	RTB Sungai Tiram	43,347,720.00
7	RTB Sungai Nipah	52,406,601.00
8	RTB Sungai Teluk Bahang	86,799,245.00
9	RTB Sungai Bagan Air Hitam	106,975,050.00
10	RTB Sungai Pinang	11,747,612.50
11	RTB Sungai Burung	99,257,340.00
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA		
1	RTB Mak Mandin dan Sungai Maklom	502,566,175.94
2	RTB Sungai Lokan dan Sungai Mat Arshad	333,059,192.86
3	RTB Sungai Orang Putih	132,693,576.46
4	RTB Sungai Kereh dan Sungai Korok	580,957,633.65
5	RTB Sungai Jarak	546,234,319.87

LAMPIRAN A

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM)
6	RTB Sungai Burung dan Sungai Udang	145,288,013.14
7	RTB Sungai Tembus	414,673,316.21
8	RTB Sungai Lahar Endin	362,877,426.61
9	RTB Sungai Abdul	306,493,034.22
10	Pembinaan Ban dan Pintu Air di Sungai Perai	146,956,972.50
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH		
1	RTB Sungai Junjung Mati/Sungai Tok Subuh/Parit 4	145,340,000.00
2	RTB Sungai Machang Bubok	53,560,000.00
3	RTB Taman Senangin	9,074,000.00
4	RTB Sungai Derhaka	74,594,000.00
5	RTB Sungai Mengkuang	109,109,000.00
6	RTB Sungai Samagagah	23,582,000.00
7	RTB Sungai Perai	109,284,500.00
8	RTB Perai A	47,450,000.00
9	RTB Perai B	10,887,500.00
10	Kerja-kerja Pembinaan dan Menaik Taraf Sistem Saliran di Daerah Seberang Perai Tengah	301,158,000.00
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN		
1	RTB Sungai Kerian	203,859,500.00
2	RTB Sungai Jawi	498,173,000.00
3	RTB Sungai Junjung:	39,052,000.00
4	Kerja-kerja Pembinaan dan Menaik Taraf Sistem Saliran di Daerah Seberang Perai Selatan	194,350,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

29. Bagaimana KPI dinilai untuk projek-projek berimpak tinggi yang melibatkan Kerajaan Negeri dan langkah untuk mempercepatkan kerja yang lewat daripada sepatutnya?
- (a) Berapakah jumlah denda yang telah dikeluarkan untuk setiap jenis kelewatan berkaitan setiap projek dan tindakan terhadap kontraktor yang tidak menjalankan kerja mengikut spesifikasi dan kualiti yang tidak memuaskan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. KPI bagi projek berimpak tinggi dinilai berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:
- (i) Kemajuan pelaksanaan projek mengikut aktiviti yang telah dirancang;
- (ii) Kualiti serta pematuhan kepada syarat kelulusan yang diperlukan untuk pelaksanaan projek;
- (iii) Tempoh masa pelaksanaan projek untuk memastikan projek disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan; dan
- (iv) Penilaian ke atas objektif pelaksanaan projek. Sebagai contoh, projek saliran berimpak tinggi di bawah Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dinilai melalui pengurangan kawasan risiko banjir.

Antara langkah untuk mempercepat kerja yang lewat adalah seperti berikut:

- (i) Menggunakan platform Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membincangkan pengurusan projek yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak seperti jabatan kerajaan dan syarikat utiliti;
- (ii) Menginstitusikan pengurusan risiko projek untuk memastikan paras risiko dan ketidaktentuan diurus dengan berkesan supaya projek disiapkan dengan sempurna; dan
- (iii) Meningkatkan pemantauan berkala oleh pengurus projek untuk memastikan kemajuan aktiviti projek berjalan mengikut apa yang dirancang.

Antara projek yang dikenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) dari tempoh 2021 hingga 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Antara tindakan yang diambil terhadap kontraktor yang tidak menjalankan kerja mengikut spesifikasi dan kualiti yang tidak memuaskan adalah seperti berikut:

- (i) Pemetongan nilai bayaran kemajuan bagi spesifikasi yang tidak mengikut spesifikasi;
- (ii) Pengeluaran surat teguran dan amaran kepada kontraktor untuk arahan melaksanakan projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
- (iii) Penggantungan lesen dan surcaj yang boleh mengakibatkan kontraktor disenarai hitam oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan
- (iv) Penamatan perkhidmatan kontraktor sekiranya kontraktor gagal mematuhi terma dalam perjanjian kontrak.

LAMPIRAN A**MAKLUMAT DENDA / LAD YANG DIKENAKAN MELIBATKAN PROJEK DARI TAHUN 2021 HINGGA 2023**

NAMA PROJEK	KONTRAKTOR	BILANGAN HARI UNTUK DENDA / LAD	JUMLAH DENDA / LAD (RM)
Projek Tebatan Banjir Bayan Baru, Barat Daya, Pulau Pinang	Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd.	27 hari	98,685.00
Projek Penghijauan WoodHaven	Noor Azrul Sdn. Bhd.	63 hari	22,843.80
Cadangan Pindaan & Tambahan Bangunan Stesen Atas Sedia Ada kepada 2 Tingkat di atas Lot 250, Mukim 16 Timur Laut, Pulau Pinang	Persada Satria (M) Sdn. Bhd.	34 hari	86,595.96
Projek Gurney Bay Fasa Pertama	Teto Engineering Sdn. Bhd.	65 hari	1,609,157.55
JUMLAH			1,817,282.31

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXV)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

30. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bersepadu bagi memastikan status Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Perindustrian dikekalkan?
- (a) Sejauh manakah penglibatan kerajaan dalam memastikan Pulau Pinang diberikan penumpuan sewajarnya oleh Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030?
 - (b) Adakah kerajaan mempunyai pelan perancangan pembangunan sektor perindustrian di Pulau Pinang?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bersepadu bagi memastikan status Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Perindustrian dikekalkan.
- (a) Penglibatan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 adalah dengan cara membentuk kerjasama dan sinergi dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) and Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC) dan Talent Corp. Lawatan ke Ibu Pejabat dan mesyuarat dengan pihak pentadbiran tertinggi agensi-agensi ini biasanya diadakan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan lagi usaha sama promosi pelaburan dan pembangunan sumber manusia untuk negeri Pulau Pinang. Ini

termasuk perkongsian sumber-sumber dan perkongsian maklumat perisikan mengenai bakal pelabur yang disasarkan, fasilitasi pasca pelaburan (post-investment facilitation), menjadikan Pulau Pinang sebagai magnet untuk menarik bakat dari negeri lain dan sebagainya. Kerjasama erat yang dijalinan dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan ini amat penting untuk memacu Pulau Pinang menjadi peneraju dalam pembangunan perindustrian serta mengukuhkan kedudukannya dalam rantai nilai global.

(b) Pelan perancangan pembangunan sektor perindustrian di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hub global dalam bidang industri berteknologi tinggi. Selain daripada terus mengembangkan aktiviti E&E dan semi konduktor yang sedia ada, kerajaan negeri memberi fokus dalam membangunkan rantai bekalan *supply chain* untuk peralatan pembuatan bahagian hadapan *front-end manufacturing equipment* dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) dan *Design & Development* (D&D) di Pulau Pinang. Menggalakkan serta membantu lebih banyak syarikat tempatan melibatkan diri dalam rantai nilai global untuk menggerakkan rantai nilai *move up the value chain* serta memantapkan ekosistem sedia ada. Selain itu, kerajaan juga memupuk penyelidikan dan pembangunan, penggunaan teknologi dan inovasi terutamanya berkait dengan aspek pendigitalan kerana langkah ini mampu mengubah struktur perindustrian bernilai tinggi, mampan dan memberi manfaat kepada penjanaan pekerjaan mahir serta pendapatan;
- (ii) Memastikan Pulau Pinang mencapai sasaran untuk menjadi Negeri yang berorientasikan *Environmental Social & Governance* (ESG). Ini adalah kerana ESG kini menjadi salah satu daripada faktor penentuan pemilihan tapak pelabur berpotensi. Lokasi yang memenuhi piawaian ESG kini mempunyai kelebihan dalam proses pemilihan tapak *site selection process*. Kerajaan Negeri senantiasa menggalakkan para pelabur untuk mengamalkan konsep hijau apabila mereka ingin membina kilang yang baru ataupun membuat

pengubahsuaian bagi kilang yang sedia ada. Konsep hijau yang dimaksudkan ini adalah seperti reka bentuk bangunan yang menerapkan ciri-ciri *green building index, campus style, rain harvesting system, natural ventilation system*, penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan kilang dan juga mengamalkan aktiviti kitar semula dalam proses pembuatan;

- (iii) Pihak Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berusaha untuk membangunkan Taman-Taman Perindustrian baharu bertaraf antarabangsa, antaranya termasuk Taman Teknologi Bandar Cassia (Bandar Cassia Technology Park), Taman Perindustrian Batu Kawan III dan Penang Science Park Selatan (Penang Science Park South). Taman-taman perindustrian baru ini akan menambah jumlah kawasan perindustrian melebihi 800 ekar bagi menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan;
- (iv) Pihak *InvestPenang* juga berusaha untuk memantapkan pelaksanaan *Hand Holding Programme* supaya para pelabur baharu yang ingin beroperasi di Pulau Pinang akan diberi perhatian, sokongan dan fasilitasi untuk memudahkan mereka menubuhkan syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina/menyewa bangunan kilang yang baru dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah untuk memastikan kesenangan menjalankan perniagaan *ease of doing business* di Pulau Pinang kekal kompetitif berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain seperti Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya;
- (v) Kerajaan Negeri telah melancarkan *Penang IC Design and Digital Park* sebagai salah satu strategi dan langkah penting penyediaan awal *Industry 5.0*. Tujuan utama projek pembangunan *Penang IC Design and Digital Park* ini adalah untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi seperti Reka Bentuk IC, *R&D*, Perkhidmatan Perniagaan Global (*GBS*), Pelaburan Teknologi Digital dan *Circular Digital Economy Ecosystem* bagi memupuk inovasi, memacu

pertumbuhan dalam industri utama serta menarik bakat terbaik untuk berkhidmat di Pulau Pinang; dan

- (vi) Kerajaan Negeri juga turut bersiap sedia memupuk dan meningkatkan tenaga kerja di Pulau Pinang. Ini termasuk rancangan strategik untuk menarik dan mengekalkan bakat di tempat kerja, mengatasi jurang penawaran dan permintaan dalam bidang *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan kerjasama dengan institusi latihan dan juga institusi pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di Pulau Pinang.